

# BAHASA MELAYU



BAHASA MELAYU TAHUN 1 SK

RM9.70  
ISBN 978-983-49-0971-0  
00970  
9 789834 909710



# **RUKUN NEGARA**

**Bahwasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# BAHASA MELAYU

## TAHUN 1

### BUKU TEKS

**Penulis**

ABDUL RAHMAN BIN CHE NGAH  
AMIR HAZLIN BIN LIN  
SITI SARAH BINTI ABDUL MALEK  
NURFARAH LO BINTI ABDULLAH

**Editor**

NIARWATI BINTI JEPON  
NORMA BINTI SANID

**Pereka Bentuk**

MUHAMMAD AFANDY BIN KHAIRUDIN  
SAHRIZAM BIN MOHD RADZALI  
FIRHAT YASIR BIN OMAR SUDI  
MOHD RIZAL BIN BUJANG

**Ilustrator**

MOHD ROSLI BIN HUSIN  
MOHAMMAD KAMAL BIN AHAMAD



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0113

KK 499-321-0102011-49-0971-20101

ISBN 978-983-49-0971-0

Cetakan Pertama 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Utusan Karya Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:  
Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.,  
Jalan Tanjung Api,  
Off Jalan Teluk Sisek,  
25050 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Pakar Rujuk Bahasa  
Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Persatuan Kebangsaan Kenyah Sarawak.

Terima kasih juga kepada organisasi atau orang perseorangan yang bersama-sama menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

<b>Pendahuluan</b>	iv
<b>TEMA 1 ► KELUARGA PENYAYANG</b>	1
Unit 1   Keluargaku Sayang	2
Unit 2   Bergembira dengan Keluarga	9
Unit 3   Bercuti di Kampung	15
<b>TEMA 2 ► MASYARAKAT MUHIBAH</b>	21
Unit 4   Rakan Sekelas	22
Unit 5   Tolong-menolong	27
Unit 6   Buku Segalanya	31
<b>TEMA 3 ► PENTINGKAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN</b>	39
Unit 7   Telitinya Rizal	40
Unit 8   Menu Sihat	45
Unit 9   Kita Cergas	51
<b>TEMA 4 ► KESELAMATAN</b>	59
Unit 10   Pastikan Selamat	60
Unit 11   Kita Selamat di Sini	65
Unit 12   Selamat di Jalan Raya	71
<b>TEMA 5 ► NEGARAKU TERCINTA</b>	77
Unit 13   Budaya Kita	78
Unit 14   Milik Kita	83
Unit 15   Sikap yang Baik	89
<b>TEMA 6 ► SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b>	97
Unit 16   Sains dan Kita	98
Unit 17   Teknologi dan Kita	103
Unit 18   Hebatnya Inovasi	109
<b>TEMA 7 ► LINDUNGİ ALAM</b>	117
Unit 19   Sayangi Alam	118
Unit 20   Flora dan Fauna	123
Unit 21   Bersihkan Alam	129
<b>TEMA 8 ► EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN</b>	137
Unit 22   Wang dalam Kehidupan	138
Unit 23   Peniaga Berjaya	143
Unit 24   Mengurus Belanja	147

# PENDAHULUAN

Pakej Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 1 Sekolah Kebangsaan (SK) kegunaan mulai tahun 2017 bersandarkan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula. Kurikulum ini diistilahkan sebagai KSSR (Semakan). KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 1 ini lebih menekankan penyataan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan mampu dilaksanakan oleh murid.

Bahan dalam pakej buku teks ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran bahasa, tatabahasa, nilai murni, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Elemen tersebut mesti dikuasai oleh murid Tahun 1 sekolah kebangsaan bagi meningkatkan dan memantapkan penguasaan kemahiran bahasa mereka. Selain itu, mereka juga diharapkan mampu untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul dan berkesan dalam urusan harian.

Pakej Buku Teks *Bahasa Melayu Tahun 1 SK* mengandungi dua komponen, iaitu Buku Teks (BT) dan Buku Aktiviti (BA). Buku Aktiviti pula terdapat dalam dua jilid, iaitu BA Jilid 1 dan BA Jilid 2. Kandungan bahan dalam kedua-dua komponen ini dibina berdasarkan lapan tema. Setiap tema mengandungi tiga unit yang menjadikan jumlahnya sebanyak 24 unit. Tema dan unit yang dinyatakan dapat dilihat pada halaman kandungan. Tema tersebut diambil dan diubah suai daripada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan) Bahasa Melayu Tahun 1 Sekolah Kebangsaan.

DSKP yang digunakan dalam KSSR (Semakan) ini amat menekankan penggabungjalinan kemahiran bahasa, penyerapan ilmu dan penerapan nilai murni. Kemahiran bahasa seperti Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Tatabahasa dan Aspek Seni Bahasa digabungjalinkan bagi memantapkan penguasaan bahasa murid.

Ikon-ikon yang mewakili kemahiran dan aspek tersebut adalah seperti yang berikut:

## Penggunaan Ikon

Buku ini menggunakan ikon seperti yang berikut:

### Penerangan Ikon Buku Teks



Kemahiran **Mendengar** dan **Bertutur** menjadi fokus utama untuk menguji kemampuan murid mendengar, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar. Selain itu, kemahiran ini juga menguji keupayaan murid untuk berkomunikasi.



Kemahiran **Membaca** menjadi fokus utama untuk menguji kemampuan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul.



Kemahiran **Menulis** menjadi fokus utama untuk menguji kemampuan murid menulis perkara yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi murid.



Aspek **Seni Bahasa** menjadi fokus utama untuk menguji kemampuan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.



Aspek **Tatabahasa** menjadi fokus utama untuk menguji kemampuan murid menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat.



Memberikan panduan kepada guru untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga elemen atau tiga perkara yang disertakan dalam nota guru, iaitu:

- Menyatakan panduan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- Menyatakan aktiviti penilaian untuk kemahiran yang diajarkan.
- Menyatakan aktiviti tambahan untuk mengukuhkan kemahiran.



Menyatakan nombor standard pembelajaran dan nombor halaman Buku Aktiviti bagi halaman yang berkenaan. Nombor halaman Buku Aktiviti yang berwarna hitam merujuk kepada Jilid Satu, manakala nombor halaman yang berwarna biru merujuk kepada Jilid Dua.



Maklumat tambahan yang berkaitan dengan kandungan pembelajaran dalam bentuk QR Code . Maklumat tersebut dapat diimbas melalui telefon pintar yang mempunyai aplikasi QR Reader.



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Bagi mengukuhkan penghayatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran, elemen Pengisian Kurikulum seperti Ilmu, Nilai Murni, Kewarganegaraan, Peraturan Sosiod budaya dan Kemahiran Bernilai Tambah turut menjadi ciri penting dalam penstrukturkan dan pembentukan komponen buku teks ini. Elemen tersebut boleh dirujuk pada bahagian Nota Guru. Selain itu, guru boleh menggunakan cadangan aktiviti yang disediakan dalam Nota Guru sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Contohnya seperti maklumat di bawah.



- Bimbing murid membaca dan menyatakan maksud pantun berdasarkan bahan.

KB – Menjanakan idea Pembelajaran Luar Bilik Darjah  
EMK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan Ilmu – Pendidikan Jasmani dan Kesihatan



Bagi mempelbagaikan pengetahuan dan kemahiran murid, beberapa pendekatan lain turut diterapkan dan diberikan penekanan. Antaranya, termasuklah aspek Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Aspek yang diperkatakan ini lebih dikenali sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK).

Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, penekanan terhadap pelbagai jenis bahan bacaan bagi meningkatkan daya fikir dan memupuk minat membaca perlu disemai dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, komponen buku teks ini juga memperuntukkan Bacaan Luas pada beberapa halaman. Persembahan komponen buku teks ini merangkumi Halaman Rangsangan, iaitu halaman pertama bagi setiap tema. Halaman ini digunakan bagi memperkenalkan tajuk-tajuk yang akan dipelajari seterusnya mahupun digunakan sebagai set induksi dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, Aktiviti Pemulihan, Pengayaan, Penilaian dan Pengukuhan juga diselitkan sebagai pelengkap pakej buku teks ini.

Akhir sekali, persembahan komponen buku teks ini turut menggunakan watak-watak tertentu bagi menceriakan dan mendekatkan murid dengan bahan yang dibangunkan. Watak-watak utama muncul dalam setiap tema. Watak-watak dalam setiap tema berlainan supaya dapat memotivasi kan murid di samping menjadi idola kepada murid membina kesantunan.



Kesimpulannya, Pakej Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 1 ini dibina selaras dengan “Pembelajaran Abad Ke-21” oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini amat mesra murid dan mesra pengguna. Hasilnya, murid-murid Tahun Satu Sekolah Kebangsaan akan dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik, asas literasi yang mantap dan bersedia untuk melangkah ke alam persekolahan yang lebih tinggi. Murid-murid juga berupaya untuk meneroka dan memperoleh pelbagai ilmu dan kemahiran melalui buku teks ini. Diharapkan semoga dengan penerbitan buku teks ini, akan tercapailah enam aspirasi murid, iaitu harus mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Berdasarkan enam aspirasi murid ini, akan lahirlah generasi yang berketerampilan, berhemah tinggi, bersemangat waja dan berfikiran positif.

**ABDUL RAHMAN BIN CHE NGAH  
AMIR HAZLIN BIN LIN  
SITI SARAH BINTI ABDUL MALEK  
NURFARAH LO BINTI ABDULLAH**



# KELUARGA PENYAYANG



## Aktiviti

Murid berbual tentang gambar di atas.



# KELUARGAKU SAYANG



## Pandainya Arif



### Aktiviti

Membaca huruf dengan sebutan yang betul.



- Bimbing murid membaca huruf mengikut urutan secara latih tubi.
- Sebut huruf secara rawak dan minta murid mengecamnya.
- Turjuk huruf secara rawak dan minta murid menyebutnya.

KB – Mengecam  
EMK: Nilai Murni – Baik hati

























Pembelajaran Masteri





## Menulis

# Belajar Menulis



## Aktiviti

Menulis huruf dengan betulnya dan kemasnya.



- Bimbing murid menulis huruf kecil dengan tulisan yang kemas secara latih tubi.

KB – Membandingkan dan membezakan

EMK: Nilai Murni – Rajin


Pembelajaran Masteri

3.1.1 (i)  
BA: 3-6



## Menulis

# Cantiknya Tulisan



## Aktiviti

Menulis huruf dengan betulnya dan kemasnya.



- Bimbing murid menulis huruf besar dengan tulisan yang kemas secara latih tubi.

KB – Membandingkan dan membezakan  
EMK: Nilai Murni – Rajin

Pembelajaran Masteri

3.1.1 (i)  
BA: 3-6



## Mendengar dan Bertutur



### Sebutlah Arif

a



ayam

e



ekor

e

6  
enam

i



itik

o



obor

u



udang

### Aktiviti

Mengajuk dan menyebut perkataan yang mengandungi huruf vokal.



- Minta murid mendengar perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi huruf vokal. Kemudian, minta murid menyebutnya pula secara latih tubi.

KB – Mengecam  
EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Masteri

1.1.1 (i)  
BA: 7



## Mendengar dan Bertutur

### Ajari Arif

a

adik  
adik Siti  
Lili adik Siti.



i

ikan  
memasak ikan  
Kakak memasak ikan.



e

emak  
emak mencuci  
Emak mencuci baju.



o

oren  
buah oren  
Ayah membeli buah oren.



e

epal  
makan epal  
Ali makan epal.



u

ubat  
makan ubat  
Adik makan ubat.



### Aktiviti

Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi huruf vokal.



- Minta murid mendengar perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi huruf vokal secara latih tubi.

KB – Mengecam


EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Masteri

1.1.1 (i)  
BA: 7



## Mendengar dan Bertutur Taman Mini



Ayah memotong **kayu**.  
Abang menyusun **batu**.  
Kakak mengecat **meja batu**.  
Ibu menanam pokok di dalam **pasu**.

### Aktiviti

Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi huruf konsonan.

- Pastikan murid menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi huruf konsonan secara latih tubi.
- KB – Mengecam  
EMK: Nilai Murni – Kerjasama


Pembelajaran Masteri

1.1.1 (iii)  
BA: 8





# BERGEMBIRA DENGAN KELUARGA



## Aktiviti

Mengajuk dan menyebut perkataan dengan betulnya.

- Minta murid mendengar perkataan yang mengandungi diftong dan vokal berganding . Kemudian, minta murid menyebutnya secara latih tubi.

KB – Mengcam

EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

**Diftong** ialah dua huruf vokal yang disebut dalam satu perkataan. Terdapat tiga jenis huruf diftong iaitu ai, au, oi. Contoh: *tapai, pisau, kaloi*.

**Vokal berganding** ialah dua huruf vokal yang terpisah sebutan bunyi dalam suku kata. Contoh: *tiung, peria, halia*.



Pembelajaran Masteri



## Mendengar dan Bertutur

### Sehari di Putrajaya

Ayah menghulurkan duit.



menghulurkan **duit**

Arif bermain buaian.



ber**main** buaian

Kakak berjalan di denai.



berjalan di **denai**

Ibu dan mak cik melihat haiwan.



melihat **haiwan**

Arif dan keluarga makan makanan laut.



**makanan laut**

### Aktiviti

Mengajuk dan menyebut frasa dan ayat dengan betulnya.



- Minta murid mendengar frasa dan ayat yang mengandungi diftong - dan vokal berganding -.

Kemudian, minta murid menyebutnya secara latih tubi.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Bersyukur

Pembelajaran Masteri

1.1.1  
(iii), (iv)  
BA: 9-10



## Membaca

### Rajin Membaca

a	e	i	o	u
ca	ce   ce	ci	co	cu
da	de   de	di	do	du
ga	ge   ge	gi	go	gu
la	le   le	li	lo	lu
ha	he   he	hi	ho	hu
na	ne   ne	ni	no	nu
pa	pe   pe	pi	po	pu
wa	we   we	wi	wo	wu

The board displays pairs of words for reading practice:

- da | da
- gi | gi
- ci | li
- la | ci
- gu | li
- ne | nek
- bu | kit
- hi | tam
- le | bah
- da | tuk
- ge | tah
- po | kok

### Aktiviti

Membaca suku kata dengan sebutan yang betul.



- Bimbang murid membaca suku kata dengan betulnya.

• Minta murid menyebut e (pepet) dan e (taling). Lajur 1: e (pepet) Lajur 2: e (taling)

KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Masteri

2.1.1 (iii)  
BA: 11



## Menulis

### Harmoninya Saudara-mara

almari

gambar

sofa

radio

piano

seluar

meja

kerusi

### Aktiviti

Menulis perkataan dengan betulnya dan kemasnya.



- Bimbing murid menulis perkataan dengan cara yang betul secara latih tubi.

KB – Membandingkan dan membezakan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

Pembelajaran Masteri

3.1.1  
(ii), (iii)  
BA: 12



## Menyanyi


### Keluarga Bahagia

Kasih akan ibu  
Taat akan bapa  
Hormat akan guru  
Bawa bahagia

Ibu dan bapa  
Serta keluarga  
Jagalah kami  
Dengan penuh kasih sayang

Masa itu amat berharga  
Oleh itu, janganlah leka  
Sayang akan keluarga  
Juga orang tua  
Hidup akan bahagia

(Irama lagu: *Keluarga Bahagia* - RTM  
URL: <https://youtu.be/Is8FwievY3A?list=RDIs8F>)



### Aktiviti

Menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul.



• Bimbing murid menyebut seni kata lagu dan menyanyikannya mengikut nyanyian guru.

KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

KP – Muzik

4.2.2 (i)



## Kata Nama Am



### Selamat Bercuti

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR



Ayah membeli **tiket**.  
Pak cik menolak **troli**.  
Ibu berbual dengan **mak cik**.  
**Kakak** dan **sepupu** duduk di **kerusi**.  
Mereka pulang ke **kampung**.

#### Bijak Bahasa:

**Kata nama am** ialah kata yang digunakan untuk merujuk manusia, haiwan, benda, tumbuh-tumbuhan dan tempat. Contoh:

Manusia	ayah, pak cik, mak cik, kakak, sepupu
Benda	tiket, troli, kerusi
Tempat	kampung, sekolah

### Aktiviti

Bercerita dengan menggunakan kata nama am berdasarkan gambar.

- Bimbing murid mengenal pasti dan menggunakan kata nama am.



KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Konstruktivisme - Bercerita

5.1.1 (i)  
BA: 13-14



# BERCUTI DI KAMPUNG



## Mendengar dan Bertutur

### Dapur Nenek



Emak meletak **pinggan** di rak.  
Tudung saji nenek warna **ungu**.  
Nenek sedang duduk di atas **bangku**.  
Arif menyusun surat **khabar**.  
Kakak sapu sampah guna **penyapu**.

#### Bijak Bahasa:

**Digraf** ialah dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti ng, ny, sy dan kh. Contoh: **penyapu, tudung, khabar**.

**Konsonan bergabung** ialah huruf konsonan yang hadir secara berurutan dalam satu perkataan dan kedua-dua konsonan itu terpisah dalam suku kata yang berlainan. Contoh: **bangku, pinggan, panjang**.

### Aktiviti

Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.

- Minta murid mendengar perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi **digraf** dan **konsonan bergabung**. Kemudian, minta murid menyebutnya secara latih tubi.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Masteri





## Membaca

### Enaknya Kelupis



tradisi  
makanan tradisi  
Kelupis makanan tradisi.

beras  
beras pulut  
Kelupis dibuat daripada beras pulut.

berkhasiat  
makanan berkhasiat  
Kelupis makanan berkhasiat.

enak  
rasanya enak  
Kelupis rasanya enak.



### Aktiviti

Membaca perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.



- Bimbing murid membaca perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya secara latih tubi.
- KB – Menghubungkaitkan  
EMK: Nilai Murni – Menghargai tradisi

Pembelajaran Masteri

2.1.1  
(iv), (v), (vi)  
BA: 17



## Menulis

### Tarian Sumazau

Arif dan keluarga melihat persembahan Tarian Sumazau.



Arif melihat **Tarian Sumazau**.

Tarian ini **dari negeri Sabah**.

Tarian ini ditarikan selepas **menuai padi**.

Penari menari **seperti burung**.

Tarian Sumazau diadakan pada **hari Sabtu**.

### Aktiviti

Menulis frasa dengan betulnya dan kemasnya.



- Bimbing murid menulis frasa dengan betulnya dan kemasnya di dalam buku tulis.
- KB – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Patriotisme

Pembelajaran Masteri


3.1.1 (iv)  
BA: 19



## Menulis



### Lawatan ke Muzium Labuan



Arif melawat ke Muzium Labuan.

Dia pergi dengan keluarganya.

Pameran sejarah sangat baik.

Arif dapat melihat senjata dan mata wang lama.

#### Aktiviti

Menulis ayat dengan betulnya dan kemasnya.



• Bimbing murid menulis ayat dengan betulnya dan kemasnya secara latih tubi dalam buku tulis.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni - Menghargai sejarah

Pembelajaran Masteri

3.1.1 (v)

BA: 20-22

## Pemulihan

Dengar dan sebut perkataan yang berikut. Kemudian, salin.

rambai

lantai

kaloi

pisau



## Pengayaan

Sebut dan padangkan suku kata. Kemudian, tulis perkataan tersebut.

bum

po

tang

pa

bal

ting



ip

kok

bung

kap

ga

di

## Penilaian 1

### A. Dengar, ajuk dan sebut perkataan, frasa dan ayat.



tudung  
memakai tudung  
Ibu memakai tudung.



khemah  
memasang khemah  
Ayah memasang  
khemah.



tingkap  
mengelap tingkap  
Abang mengelap  
tingkap.

### B. Lengkapkan ayat berdasarkan gambar. Kemudian, tulis.



Sani dan ibu pergi ke \_\_\_\_\_.



Sani membeli \_\_\_\_\_.



Sani membeli \_\_\_\_\_.



Ibu membeli \_\_\_\_\_.




Ibu membeli \_\_\_\_\_.

### C. Tulis ayat di bawah dengan tulisan yang kemas.

Hana	ada	datuk nenek
Datuk dan nenek	tinggal sangat	di Labuan bahagia



# MASYARAKAT MUHIBAH



## Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan gambar.



# RAKAN SEKELAS



## Mendengar dan Bertutur

### Kawan Baharu

Ini kawan baharu kita. Namanya Prema.

Apa khabar, Prema?

Kamu tinggal di mana?

Khabar baik, terima kasih.

Adik-beradik kamu berapa orang?

Tarikh lahir kamu bila?

### SK TAMAN MUHIBAH, TANJONG MALIM, PERAK BORANG BIODATA MURID

Nama Murid:

Prema a/p Pravin

Tarikh Lahir:

18 Januari 2010

Alamat:

No. 2, Jalan Perpaduan,

Bilangan Adik-beradik:

Taman Muhibah,

35900 Tanjung Malim, Perak.

3 orang

### Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan.



- Bimbing murid memberikan respons yang betul terhadap soalan.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual

1.1.2 (i)  
BA: 23



## Membaca

Rina dan kawan-kawannya membawa Prema melawat kawasan sekolah. Prema seronok melihat suasana sekolah baharunya.



padang



stor sukan



pejabat



koridor



bilik kaunseling



tandas



makmal komputer



kantin

## Aktiviti

Membaca perkataan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



- Bimbing murid membaca perkataan dua dan tiga suku kata dengan sebutan yang betul dan infonasi yang sesuai. Kemudian, minta murid menunjukkan kawasan sekolah seperti dalam gambar.

KB - Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

KP - Kinestetik

2.1.2 (i)  
BA: 24



## Menulis

### Hadiah untuk Sahabat

Ai Lin pergi melancong bersama-sama ahli keluarganya. Dia turut tidak lupa akan kawan-kawannya. Dia membeli hadiah untuk mereka.



### Aktiviti

Membina dan menulis perkataan dengan betulnya.



- Bimbing murid membina perkataan berdasarkan gambar.

- Minta murid menulis perkataan yang dibina dengan tulisan yang kemas.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Kasih sayang



Pembelajaran Kontekstual

3.2.1 (i)  
BA: 25



## Kata Nama Khas

### Sehari di Sekolah



Nama saya Ai Lin. Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Taman Muhibah, Tanjung Malim. Kawan baik saya Rina, Halim dan Prema. Kami belajar di Kelas Tahun 1 \_\_\_\_\_.

#### Aktiviti

Menulis ayat dengan menggunakan kata nama khas dengan betulnya.

#### Bijak Bahasa:

**Kata nama khas** ialah kata yang merujuk khusus kepada orang, tempat atau benda.  
Contoh:  
orang – Adam  
tempat – Kuala Lumpur  
benda – Proton Saga



- Bimbing murid mengenal pasti kata nama khas dalam teks.
  - Bimbing murid menulis ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan kata nama khas.
- KB – Menganalisis  
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual

5.1.1 (ii)  
BA: 26



## Kata Ganti Nama

### Terima Kasih, Sahabat



Halim: Sudahkah **kamu** bertiga siapkan latihan Matematik?

Ai Lin: Belum, Halim. **Kami** tidak tahu membuatnya.

Prema: Bolehkah **kamu** tunjukkan?

Halim: Boleh. Mari **saya** tunjukkan.

Rina: Oh, baru **saya** faham! Terima kasih kerana sudi mengajar **kami** bertiga, Halim.

Halim: Sama-sama. **Kita** rakan sekelas haruslah tolong-menolong.

#### Bijak Bahasa:

**Kata ganti nama diri** ialah kata yang menjadi pengganti nama orang.  
**Kata ganti nama diri pertama:** *saya, kita, kami*  
**Kata ganti nama diri kedua:** *kamu, engkau, awak*  
**Kata ganti nama diri ketiga:** *dia, mereka*

#### Aktiviti

Melengkapkan dialog dengan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.

- Bimbing murid melengkapkan dialog dengan menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.

KB – Mencirikan  
EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Kontekstual

5.1.1 (iii)  
BA: 27-28





# TOLONG-MENOLONG



## Mendengar dan Bertutur

### Ringan Tulang Amalan Mulia

Sila ke sini, Ai Lin,  
Prema dan Halim.

Mari tolong pak cik  
bersihkan taman.

Baiklah,  
pak cik.

Apakah yang boleh  
kami bantu?

Halim, tolong  
angkat tong  
cat ini.

Angkat tong  
cat ini ke sana.



Kamu berdua  
bersihkan papan  
gelongsor itu.

Bersihkannya  
dengan kain ini.



## Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap suruhan.



- Minta murid mendengar dan memahami suruhan untuk memberikan respons.
- KB – Menghubungkaikan  
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

KP – Interpersonal

1.1.2 (ii)  
BA: 29



## Membaca


### Bersatu Hati

Ada **tiga sekawan**, iaitu Sang Ular, Sang Tikus dan Sang Burung. Mereka selalu tolong-menolong antara satu sama lain.

Pada suatu hari, tiga sekawan itu bermain di dalam hutan. Malangnya, mereka **terkena jerat**. Mereka cuba membebaskan diri.

Sang Tikus **menggigit jaring** dengan giginya. **Suara merdu** Sang Burung memanggil kawan-kawan mereka di dalam hutan.

Tidak lama kemudian, **kawan-kawan mereka** pun datang membantu. Akhirnya, mereka bebas.



### Aktiviti

Membaca dan memahami frasa.



- Bimbing murid membaca dan memahami frasa serta memadankan frasa yang sesuai dengan gambar.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Tolong-menolong

2.1.2 (ii)  
BA: 30-31

Pembelajaran Kontekstual



## Menulis

### Jiran yang Baik

Keluarga Ai Lin dan keluarga Prema berjiran. Mereka selalu bantu-membantu. Sebelum pulang ke kampung, ibu Ai Lin akan menyerahkan kunci rumah mereka kepada keluarga Prema. Keluarga Prema akan membantu mereka...



serah kunci



### Aktiviti

Membina dan menulis frasa berdasarkan gambar dengan betulnya.



- Bimbing murid membina frasa berdasarkan gambar.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

Pembelajaran Kontekstual

3.2.1 (ii)  
BA: 32-33



## Melafazkan Pantun

### Mari Berpantun

Ikan gelama si ikan haruan,  
Pupuk kerjasama erat perpaduan.

Tangkap kelah dengan joran,  
Rajin-rajinlah membantu jiran.

Mengutip batu di Gunung Daik,

,  
Tolong-menolong membawa berkat.

Belikan Pak Long rambutan seikat

Bantu-membantu amalan yang baik

### Aktiviti

Membina pantun dua kerat dan melafazkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



- Bimbing murid membina pantun dua kerat secara terkawal dan melafazkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

KB – Menganalisis

EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

KP – Verbal-linguistik

4.2.1 (i)  
4.3.1 (i)  
BA: 34



# BUKU SEGALANYA



## Mendengar dan Bertutur

### Sampaikan Pesan

Ai Lin, petang ini kita pergi ke Perpustakaan Mini Pak Cik Lokman. **Kamu tunggu saya di rumah.**

Baiklah, Ai Lin, saya akan datang \_\_\_\_\_.

Ajaklah kawan-kawan yang lain.

Baiklah, Rina, saya tunggu kamu di rumah. Kamu datanglah pada pukul 3.00 petang.

Ya, Rina, saya akan mengajak \_\_\_\_\_.

Jangan lupa bawa buku yang perlu kamu pulangkan. Esok tempoh tamatnya.



## Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pesanan.



- Minta murid mendengar dan memahami pesanan.
- Bimbang murid memberikan respons terhadap pesanan.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual

1.1.2 (iii)  
BA: 35



## Membaca

### Perpustakaan Mini Pak Cik Lokman



Pak Cik Lokman ada perpustakaan mini di rumahnya. Ada banyak buku di perpustakaan itu. Ada buku untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Ai Lin dan rakan-rakannya selalu ke Perpustakaan Mini Pak Cik Lokman. Mereka suka membaca dan menyiapkan kerja sekolah di situ.

Penduduk taman juga selalu berkumpul di situ pada hari minggu. Mereka beramah mesra. Mereka juga meminjam dan bertukar-tukar buku.

Pada masa hadapan, Pak Cik Lokman bercadang untuk ...

#### Aktiviti

Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai dan memahami teks.



- Bimbing murid membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
- Nyatakan cadangan masa hadapan Pak Cik Lokman terhadap perpustakaannya. ↗  
KB – Menghubungkaikan  
EMK: Nilai Murni – Baik hati

KP – Kajian masa depan



## Menulis



### Buku Merapatkan Kita

Ai Lin, Rina dan Prema mengikut keluarga masing-masing ke taman rekreasi. Banyak orang berada di situ. Mereka melakukan berbagai-bagai aktiviti. Perhatian Rina, Prema dan Ai Lin tertumpu kepada beberapa orang remaja.



membentang  
mengangkat  
berisi



menyusun  
berkumpul  
meminjam



- Dua orang remaja lelaki **membentang** tikar.
- Dua orang remaja perempuan **mengangkat** kotak.
- Kotak itu **berisi** buku.

- Mereka \_\_\_\_\_ buku-buku di atas tikar.
- Orang ramai \_\_\_\_\_ di situ.
- Mereka \_\_\_\_\_ buku-buku itu.

### Aktiviti

Membina dan menulis ayat dengan betulnya.



• Bimbing murid membina ayat berdasarkan gambar menggunakan kata kerja untuk melengkapkan cerita.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Tanggungjawab

KP – Konstruktivisme

3.2.1 (iii)

BA: 37-38



## Melafazkan Pantun

Pak Tahir membawa timba,  
Timba lama berisi paku;  
Hari lahir menjelang tiba,  
Ai Lin terima hadiah buku.

Buah bidara buah duku,  
Bawa ke kota sebakul cuma;  
Ai Lin gembira mendapat buku,  
Buku cerita dibaca bersama.

Anak Pak Dollah menanam ciku,  
Menanam ciku dan juga kuini;  
Rajin-rajinlah membaca buku,  
Membaca buku amalan murni.

Terbang kenari nun di sana,  
Mencari makan tiada berteman;  
Buku memberi ilmu berguna,  
Menjadi rujukan sepanjang zaman.



### Aktiviti

Melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.



- Bimbing murid melafazkan pantun empat kerat dengan intonasi yang betul.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

KP – Verbal-linguistik

4.2.1 (ii)  
BA: 39



## Penjodoh Bilangan

### Padangkan Saya

Murid-murid Kelas Tahun 1 Gemilang hendak membuat projek penanda buku. Mereka mahu menjual penanda buku itu semasa Hari Kantin.

Ai Lin melukis bentuk penanda buku pada **sekeping** kad bod.

Bee Kin menggunting bentuk itu dengan **sebilah** gunting.

Prema mengikat lubang itu dengan beberapa **helai** benang bulu.

Rina menebus lubang yang digunting dengan **sebuah** penebus lubang.

Mereka menghias penanda buku itu dengan beberapa **biji** labuci.

**sekeping**  
kad bod

beberapa  
**biji** labuci

beberapa **helai** benang bulu

**sebilah** gunting

**sebuah** penebus lubang

#### Bijak Bahasa:

**Penjodoh bilangan** ialah kata yang digunakan bersama-sama dengan kata bilangan untuk membilang kata nama konkrit seperti haiwan, benda, tempat dan lain-lain.

Contoh:

seekor kucing, dua *biji* guli, lima buah rumah.

### Aktiviti

Mengenal pasti dan menggunakan penjodoh bilangan dengan betulnya.



- Bimbing murid mengenal pasti penjodoh bilangan dan membina ayat menggunakan penjodoh bilangan dengan betulnya.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Kontekstual

5.1.1 (iv)  
BA: 40



## Kata Kerja

### Hargai Buku

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Taman Muhibah telah **mengadakan** aktiviti membalut buku teks. Ibu bapa, guru dan murid bersama-sama membalut buku di stor Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) sekolah.

1



2



Mula-mula, mereka **mengasingkan** buku yang belum berbalut.

Kemudian, mereka **mengukur** saiz pembalut plastik.

3



4



Selepas itu, mereka **menggunting** pembalut plastik itu.

Akhir sekali, mereka **\_\_\_\_\_** buku-buku itu.

#### Bijak Bahasa:

**Kata kerja** ialah kata yang menyatakan perbuatan. Kata ini biasa ditandai oleh imbuhan seperti meN- dan meN-...-kan. Contoh: *melihat, membaca, menjahit, memberikan* dan lain-lain.

## Aktiviti

Memahami dan menggunakan kata kerja dengan betulnya.

- Bimbing murid melengkapkan cerita dengan menggunakan kata kerja aktif transitif.
- KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Kontekstual

5.1.2 (i)  
BA: 41-42



## Pemulihan

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

rumah

hadiah

belajar

1. Murid itu \_\_\_\_\_ di perpustakaan.



2. Helmi memberikan \_\_\_\_\_ kepada kawannya.



3. Penduduk kampung membaiki \_\_\_\_\_ Pak Habib.



## Pengayaan

### Permainan Membina Perkataan.

Kenal pasti kata kerja, kemudian bina perkataan baharu dengan menggunakan huruf-huruf yang terdapat dalam kata kerja tersebut. Contoh:

simpan



manis

pam

masin

nasi

ais

angkat

pustakawan

lihat

belajar

bincang

hadiyah

nampak

sekolah

## Penilaian 2

### A. Berikan respons terhadap suruhan.

Lauk ini dimasak oleh Puan Rosni. Rasalah.



### B. Baca dan fahami.

Penduduk Taman Gembira mengadakan majlis ramah mesra. **Penduduk** berkumpul di dewan orang ramai. Mereka membawa **makanan dan minuman**. Mereka makan sambil **berbual mesra**. Mereka juga **bertanya khabar** masing-masing.

### C. Berdasarkan teks di atas:

1. Tulis frasa berdasarkan gambar.



2. Kenal pasti kata kerja, kemudian bina ayat.



# PENTINGKAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN



**AMALAN YANG BAIK**



## Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan gambar.



# TELITINYA RIZAL



Mendengar dan Bertutur

## Kemasnya Rambut Rizal

Wah, kemasnya rambut kamu!

Boleh saya pinjam sikat, Rizal?



Terima kasih, Nizam.

Maaf, Nizam. Kita tidak boleh berkongsi sikat.

Oh, begitu! Maafkan saya, Rizal.

Sikat kamu bersih. Bagaimanakah cara kamu menjaganya?



Saya maafkan.

### Cara Membersihkan Sikat



### Aktiviti

Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



- Bimbing murid bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila dan lakonkan.

KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

KP – Interpersonal

**1.2.1**  
BA: 43



## Membaca


### Nasihat Abang Geraham

Adik-adik,

Gosoklah gigi dengan **saiz** berus gigi yang sesuai. **Usah** gunakan berus gigi orang dewasa. Saiz berus gigi tersebut besar. Saiznya tidak **sesuai** untuk mulut kamu.

Berus gigi yang elok dapat kamu pegang dengan **mudahnya**. Oleh itu, gusi kamu tidak sakit.

Ingat, adik-adik. Gosok gigi kamu pada setiap hari supaya gigi kamu bersih.



### Aktiviti

Menaakul teks dan memberikan makna perkataan dengan merujuk kamus.



- Bimbing murid memberikan makna perkataan yang tidak difahaminya dengan merujuk kamus.

KB – Menaakul  
EMK: Nilai Murni – Prihatin

BCB – Merujuk kamus

2.2.1 (i)  
BA: 44



## Menulis

### Panduan Membeli Kasut



Rizal pergi ke kedai kasut. Dia pergi **dengan ayahnya**. Mereka pergi pada waktu petang.



Rizal memilih kasut yang tapaknya lembut. Oleh itu, kakinya berasa lebih selesa.



Rizal memakai kedua-dua belah kasut. Kemudian, dia berjalan beberapa langkah. Dia memastikan kakinya selesa dengan kasut itu.

#### Aktiviti

Menjawab soalan berdasarkan teks.



- Minta murid menulis jawapan bagi soalan bertumpu berdasarkan teks yang telah dibaca.
- KB – Menghubungkaitkan  
EMK: Nilai Murni – Rasional



- Rizal pergi ke kedai kasut dengan siapa?

Rizal pergi ke kedai kasut **dengan ayahnya**.

- Bilakah mereka membeli kasut?

Mereka membeli kasut



- Rizal memilih kasut yang bagaimana?




- Mengapakah Rizal berjalan beberapa langkah?





## Kata Adjektif




Rizal terpijak lumpur di taman permainan. Kaki Rizal **kotor**.



Rizal membasuh kakinya sehingga **bersih**.



Setibanya di rumah, Rizal membasuh kaki. Dia menggunakan sabun yang **wangi**.



### Bijak Bahasa:

**Kata adjektif** ialah perkataan yang menerangkan keadaan atau sifat bagi kata nama. Contoh: *bersih*, *sedap* dan *bulat*.

## Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata adjektif dengan betulnya.



- Bimbing murid membina dan menulis ayat dengan menggunakan kata adjektif berdasarkan gambar.

KB – Menghubungkan  
EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

5.1.3  
BA: 46-47

Pembelajaran Kontekstual



## Kata Kerja Pasif

Ini bilik Rizal. Bilik ini **dikemas** oleh Rizal. Dia **dibantu** oleh ayah, ibu dan kakaknya.

Cermin tingkap **dilap** oleh ayah.



### Bijak Bahasa:

**Kata kerja pasif** ialah kata kerja hasil perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh:

1. Azura membaca buku (ayat aktif).
2. Buku dibaca oleh Azura (ayat pasif).

## Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata kerja pasif dengan betulnya.

- Minta murid meneliti gambar dan kata kerja pasif yang diberikan.
- Bimbing murid membina dan menulis ayat.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Kebersihan

Pembelajaran Kontekstual

5.1.2 (ii)

BA: 48





## UNIT 8 MENU SIHAT



### Mendengar dan Bertutur

#### Masakan Ibu

Ibu masak apa hari ini?

Ibu telah hidangkan.  
Lihatlah di atas meja itu.

- banyak minyak
- minyak tidak baik untuk kesihatan

Ibu masak ikan bakar. Mengapakah ikan ini ibu tidak goreng?

Buah betik pun ada. Apakah sebab kakak suka makan betik?

### Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid menyampaikan maklumat dengan ayat yang lengkap.
- KB – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Kesederhanaan

KP – Interpersonal

1.2.2  
BA: 49



## Membaca



### Makanan Kesukaan Rizal

Rizal suka makan nasi, roti, ayam dan ikan. Makanan ini berkhasiat dan penting untuk membesar. Makanan ini memberikan tenaga.

Buah dan sayur mempunyai banyak vitamin. Rizal makan sayur dan buah pada setiap hari. Dia suka makan tembikai dan lobak merah.

Makanan ringan pula tidak baik untuk kesihatan. Rizal tidak gemar makan makanan ringan. Dia tidak makan gula-gula, keropok dan minuman bergas.



1. Makanan berkhasiat sangat penting.
2. Buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai \_\_\_\_\_.
3. Makanan ringan \_\_\_\_\_.

### Aktiviti

Menyatakan idea tersurat yang terdapat dalam teks dengan betulnya.



- Bimbing murid memahami teks berdasarkan grafik untuk mencari idea tersurat.

KB – Menaakul  
EMK: Nilai Murni – Rasional

BCB – Bacaan intensif

2.2.1 (ii)

BA: 50



## Menulis

### Lazatnya Sayur



Rizal suka makan sayur.  
Sayur ada vitamin dan  
garam mineral.

Gigi Rizal kuat kerana  
selalu makan sayur.  
Gusi Rizal juga sihat.



### Aktiviti

Membina ayat.



- Minta murid membina ayat berdasarkan gambar yang diberikan.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (iii)

BA: 51



## Menulis

### Tembikai

Kulit tembikai hijau. Isi tembikai berwarna merah dan ada juga yang berwarna kuning. Rasa buah ini manis.

Tembikai boleh dimakan begitu sahaja. Selain itu, tembikai juga boleh dibuat jus.

Tembikai kaya dengan vitamin A dan vitamin C.

Vitamin ini diperlukan untuk mencegah penyakit. Antaranya, termasuklah sakit kepala dan penyakit kulit.



### Tembikai

#### Rupa

- Berkulit Hijau
- \_\_\_\_\_

#### Cara makan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

#### Khasiat

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

### Aktiviti

Mencatat maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid melengkapkan peta pokok berdasarkan bahan.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

BCB – Mencatat nota

**3.2.3**

BA: 52-53



## Kata Hubung

Ibu Rizal gemar memasak. Masakan ibunya lazat **dan** berkhasiat.



Rizal suka makan lauk ikan **tetapi** abangnya pula suka lauk ayam. Ibu mereka selalu menggoreng ayam **atau** membakar ikan.

Kadang-kadang, Rizal sekeluarga tidak makan di rumah. Mereka makan di Restoran Pak Yazid \_\_\_\_\_ di Restoran Mawar. Walaupun makanan di situ murah \_\_\_\_\_ berkhasiat.



Keluarga Rizal amat mementingkan kebersihan. Mereka memilih tempat makan yang cantik \_\_\_\_\_ bersih.

### Aktiviti

Menggunakan kata hubung yang betul dalam ayat.



- Bimbing murid menggunakan kata hubung berdasarkan bahan.
- KB – Mengecam
- EMK: Nilai Murni – Prihatin

#### Bijak Bahasa:

**Kata hubung** ialah kata yang digunakan untuk menggabungkan ayat. Contoh kata hubung ialah *dan*, *atau* dan *tetapi*.

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (i)  
BA: 54-55



## Kata Seru

Di ruang tamu

Hai, Kim Seng!  
Kamu baru tiba?

Ya, Rizal.  
Ibu kamu  
mana, Rizal?

Oh, ibu saya  
ada di dapur!

Amboi, asyiknya  
berbual!

Eh, Abang  
Aziz!

Di dapur

Hai, lama mak cik tidak  
nampak! Apa khabar?

Oh, saya sihat!  
Mak cik?

Sihat juga.  
Amboi, cantik baju  
Kim Seng!

Terima kasih,  
mak cik.

Wah, ada air soya!

Air soya baik untuk  
kesihatan.  
Eh, jangan lihat  
sahaja, Kim Seng!  
Jemputlah minum.

### Bijak Bahasa:

**Kata seru** ialah kata  
yang digunakan untuk  
melahirkan perasaan.  
Contoh kata seru ialah  
*hai, amboi, eh.*

## Aktiviti

Menggunakan kata seru dengan betul dalam ayat.

- Minta murid meneliti gambar dan kata seru yang diberikan.
- Bimbang murid menggunakan kata seru dalam ayat.

KB – Mengecam

EMK: Nilai Murni – Kasih sayang

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (iii)

BA: 56





# KITA CERGAS



## Mendengar dan Bertutur

### Bagusnya Bersenam

Murid-murid, adakah kamu berpeluh selepas kita bersenam tadi?

Apa yang kamu rasa?

Apakah kebaikan bersenam?

Ya \_\_\_\_\_.

Saya rasa lebih cergas, cikgu.



## Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan yang didengar dengan betulnya.



- Pastikan murid memberikan respons secara lisan dan bukan lisan (aksi) serta melakonkan situasi di atas.

KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental

KP – Kinestetik

1.1.2 (i)  
BA:57



## Membaca

### Mari Berehat

Banyak aktiviti boleh kita lakukan semasa berehat.




Maisara membina objek.



Kavita mewarnakan lukisan.



Rizal membaca majalah.



Nizam menonton televisyen.

Aktiviti	Kebaikan
membina objek	melatih diri untuk berfikir
mewarnakan lukisan	tahu memilih warna
membaca majalah	dapat menambah ilmu

### Aktiviti

Menyatakan isi tersirat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid mencari isi tersirat berdasarkan bahan.

KB – Menakul

EMK: Nilai Murni – Rasional

BCB – Bacaan intensif

2.2.1 (iii)

BA: 58-59



## Menulis

### Cergaskan Diri



tidur lapan jam sehari

Mengapakah kita perlu tidur lapan jam sehari?

Kita perlu tidur **lapan jam sehari** supaya badan kita cergas.



bersenam tiga kali seminggu

Bilakah kita boleh bersenam?

Kita boleh bersenam pada \_\_\_\_\_.



Pagi  
Tengah hari  
Malam

mandi tiga kali sehari

Nyatakan sebab kita perlu mandi tiga kali sehari.





## Seni Bahasa



### Nazri Boleh

Nazri hendak menjadi pemain bola sepak. Dia mahu menjadi **ayam tambatan** pasukan sekolahnya.

“Boleh abang melatih saya bermain bola sepak?” tanya Nazri kepada Abang Fadil.

“Boleh, Nazri. Bagaimanapun, jangan **hangat-hangat tahi ayam** sahaja,” kata Abang Fadil.

Mulai hari itu, Abang Fadil melatih Nazri. Mereka **mandi peluh** di padang.

“Terima kasih kerana **baik hati** melatih saya. Sekarang, saya **ada hati** untuk menjadi pemain bola sepak yang terkenal,” kata Nazri.



#### Bijak Bahasa:

Definisi simpulan bahasa.

**ayam tambatan**: orang yang menjadi harapan

**hangat-hangat tahi ayam**: usaha yang tidak berpanjangan

**mandi peluh**: basah dengan peluh

**baik hati**: bersikap baik dan penyayang

**ada hati**: ada keinginan

### Aktiviti

Bercerita dan menuturkan dialog.

- Pastikan murid bercerita dan menuturkan dialog secara didik hibur.

KB – Menakul

EMK: Nilai Murni – Kegigihan

KP – Kinesetik

4.1.1

BA: 61






## Kata Perintah

Sila duduk di sini, cikgu.

Jangan biarkan dia terlepas.

Jemput minum air ini.

Tolong kawal pemain itu.



### Aktiviti

Menggunakan kata perintah yang betul dalam ayat.

#### Bijak Bahasa:

Kata perintah bertujuan untuk menimbulkan tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan dan sebagainya. Contoh kata perintah ialah *sila jemput, tolong dan jangan*.



- Pastikan murid meneliti penggunaan kata perintah dan menggunakan dengan betulnya berdasarkan bahan.

KB – Memadankan  
EMK: Nilai Murni – Kerjasama

5.1.4 (ii)  
BA: 62

Pembelajaran Kontekstual

## Pemulihan

Pilih idea tersurat yang sesuai berdasarkan teks.

Alisa selalu membawa bekalan ke sekolah. Dia membawa mi goreng dan pisang. Alisa membawa air masak juga.

A Alisa membawa bekalan ke sekolah.

B Alisa suka makan mi dan pisang.



Alisa jarang membeli makanan di kantin. Makanan dari rumah terjamin bersih. Selain itu, makanan tersebut juga lebih berkhasiat.

A Alisa tidak makan di kantin sekolah.

B Alisa jarang membeli makanan di kantin.

## Pengayaan

Tulis makanan yang kamu makan semasa waktu pagi. Kemudian, lukis gambar makanan tersebut.

## Penilaian 3

Rizal **sentiasa** mengamalkan kebersihan diri.



Rizal menyikat rambut menggunakan sikatnya sendiri.



Rizal menggosok gigi dengan berus giginya sendiri.



Dia menyidai tuala **sesudah** digunakan.



Bilik Rizal sentiasa **rapi**.

- A Secara berpasangan, bersoal jawab berdasarkan gambar.
- B Ganti perkataan bercetak huruf merah dengan perkataan lain yang sesuai.
- C Jawab soalan yang berikut:
  - a. Rizal menggunakan sikat siapa?
  - b. Bagaimanakah keadaan bilik Rizal?
  - c. Mengapakah Rizal tidak menggunakan berus gigi orang lain?
- D Bina ayat dengan perkataan yang berikut:
  - dan
  - atau
  - tetapi

## Bacaan Luas

### Sayur

Kita perlu makan sayur pada setiap hari. Sayur ada vitamin dan garam mineral. Apabila makan sayur, badan kita akan sihat dan kuat.

Ada bermacam-macam jenis sayur. Ada yang berwarna hijau, merah, kuning, ungu, dan putih. Ada sayur jenis daun, buah dan ubi.



Jenis daun



Jenis buah



Jenis ubi

Sayur perlu dibasuh sebelum dimasak. Rendam sayur itu di dalam air yang bercampur cuka. Kemudian, bersihkan sayur itu dengan air.

(Sumber: Hasimah Azit, 2015. *Siri Wah, Sedapnya! Sayur*, Kuala Lumpur: DBP)



# KESELAMATAN

## Utamakan Keselamatan

### Kita Pasti Selamat

Bunga seroja di atas peti,  
Putih berseri idaman dara;  
Buat kerja berhati-hati,  
Supaya diri tidak tercedera.

Hendak membelah kayu meranti,  
Membuat titi di Kampung Rasa;  
Peraturan sekolah harus diikuti,  
Belajar nanti tenang selesa.

Dari Inderagiri ke Pulau Paya,  
Bawa cermat kayu cendana;  
Waspada diri di jalan raya,  
Pasti selamat di mana-mana.



### Aktiviti

Melafazkan pantun dan berbual berdasarkan gambar.



# PASTIKAN SELAMAT



## Mendengar dan Bertutur

### Wah, Rajinnya Anak Ibu!

Aina, tolong ibu lapanan semua pinggan ini.



Baik, ibu.  
Bagaimanakah caranya?

Lapanan pinggan dengan tuala kering ini. Buat dengan cermat.

Ya, ibu.  
Saya akan mengelapnya dengan berhati-hati.

Aiza, tolong ibu simpankan pinggan itu di dalam almari.



Baiklah, ibu. Saya akan menyimpannya.

Bawa sedikit-sedikit.  
Pegang dan bawa dengan cermat.

Saya akan .

Harap kamu berhati-hati.  
Pinggan itu, jika terjatuh,  
akan pecah. Kacanya tajam.



Betul, ibu. Jika terpijak  
kaca, kaki boleh .

## Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap suruhan dengan betulnya.



- Bimbing murid melakukan aktiviti mendengar dan memberikan respons terhadap suruhan.
- Minta murid lakukan simulasi.

KB – Membuat inferens  
EMK: Nilai Murni – Berwaspada

KP – Interpersonal

1.1.2 (ii)  
BA: 63



## Membaca

# Kita Harus Berwaspada

Kanak-kanak perlu ditemani oleh orang dewasa supaya selamat.



Saya dan adik kembar saya, Aiza, pergi ke taman permainan. Kami hendak bermain buaian.

Sebelum kami pergi ke sana, ibu menyuruh kami memakai pakaian yang sesuai. "Pakaian yang sesuai dapat mengelakkan kecederaan," kata ibu.

Ibu dan ayah turut menemani kami. Keselamatan di taman permainan perlu diutamakan. Sebelum bermain buaian, ayah akan memeriksanya terlebih dahulu. Ada kanak-kanak terjatuh dan cedera semasa bermain buaian.

Saya dan Aiza berasa selamat semasa bermain di sini. Kami bermain buaian dengan gembiranya.

### Aktiviti

Menyatakan kandungan cerita dengan betulnya.



- Bimbing murid memahami kandungan cerita yang dibaca.

KB – Menakul

EMK: Nilai Murni – Berhati-hati

Pembelajaran Kontekstual

2.3.1 (i)  
BA: 64



## Menulis



### Rumah Kita Selamat

Aiza dan keluarganya pergi **bercuti** di Pulau Sayak, Kedah. Mereka bercuti di sana selama tiga hari.

Sebelum bertolak, ayah dan ibu mereka mengambil langkah ke**selamat**an.



tutup **tingkap** dan pintu bilik



matikan **suis** elektrik



beritahu **jiran**



tutup dan **kunci** pintu utama serta pintu pagar

### Aktiviti

Menulis perkataan secara imlak dengan ejaan yang betul.



- Minta murid membaca dan memahami bahan untuk menulis perkataan secara imlak.
- KB – Mengecam  
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Pembelajaran Kontekstual

3.2.4 (i)  
BA: 65-66



## Kata Sendi Nama

### Naik Kapal Terbang

Aina dan keluarganya hendak pergi **ke** Kuala Terengganu. Mereka mahu menziarahi datuk dan nenek **di** sana.

Ibu Aina memberikan beg pakaian **kepada** ayahnya. Beg itu dimasukkan ke dalam but kereta. Beg itu juga dikunci dan diletakkan tanda nama. Tujuannya supaya tidak hilang.

Selepas bersiap, mereka pun bertolak **dari** rumah ke lapangan terbang.



### Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata sendi nama dengan betulnya.

#### Bijak Bahasa:

**Kata sendi nama** ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama.  
Contoh:  
*di sekolah, dari rumah,  
ke bandar, kepada ibu.*

- Bimbing murid mengenal pasti kata sendi nama dan membina ayat.
- KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Berfungsijawab

Pembelajaran Konstruktivisme  
KP – Verbal-linguistik

5.1.4 (iv)

BA: 67-68







## Kata Arah

### Selamat dalam Pesawat

Aina dan Aiza berasa seronok menaiki kapal terbang. Aina dan ibunya duduk di kerusi **hadapan** di sebelah **kiri**. Aiza dan ayah pula duduk di kerusi **belakang** di sebelah **kanan**. Aina melihat tempat menyimpan beg di bahagian **atas** kabin. Jaket keselamatan berada di **bawah** tempat duduk.



### Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata arah dengan betulnya.

#### Bijak Bahasa:

**Kata arah** ialah perkataan yang menunjukkan hala atau jurusan. Hadir sebelum kata nama  
Contoh:  
*kanan, kiri, atas, bawah, hadapan, belakang.*



- Bimbang murid mengenal pasti penggunaan kata arah dan membina ayat.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Pembelajaran Konstruktivisme

5.1.4 (v)  
BA: 69-70



# KITA SELAMAT DI SINI



## Mendengar dan Bertutur

### Ingatlah Pesanan Guru

Murid-murid,  
sebentar lagi  
waktu rehat.  
Kamu mesti  
beratur sebelum  
pergi ke kantin.



Berjalan dengan tertib dan berhati-hati. Awasi tangga dan longkang.



Jangan berlari dan berebut-rebut. Jika terjatuh, kamu akan mendapat kecederaan.



Jadi, cikgu harap kamu sentiasa berwaspada.

Baiklah, cikgu.

### Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap pesanan dengan betulnya.



- Pastikan murid main peranan untuk memberikan respons terhadap pesanan yang didengar.
- KB - Menghubungkaikan Pembelajaran Kontekstual
- EMK: Nilai Murni – Menjaga keselamatan diri

1.1.2 (iii)  
BA: 71



Membaca

## Jauhi Kawasan Ini

# KEJAYAAN PASTI MILIK KITA

Murid-murid,  
di manakah  
kawasan  
larangan itu?

Mengapakah  
kawasan itu  
berbahaya?

Ya, murid-murid.  
Kamu dilarang  
berada di luar pagar  
semasa waktu  
persekolahan.

Sungguh segar pisang berangan,  
Cantik berseri bunga angsan;  
Luar pagar kawasan larangan,  
Elakkan diri bermain di sana.

Di luar pagar  
sekolah, cikgu.

Kawasan itu  
berbahaya kerana  
jalan raya di situ sibuk.

Anak muda mencari rotan,  
Rotan dicari di hutan dara;  
Harus waspada mengambil alatan,  
Agar diri tidak tercedera.

Kita hendaklah \_\_\_\_\_. 



Beli sepukal durian di dusun,  
Manggis seguni harganya rendah;  
Basikal dan motosikal diletak tersusun,  
Bermain di sini mengundang padah.

Kita tidak boleh \_\_\_\_\_. 



Bangau sekawan di Tasik Chini,  
Terbang sendiri mencari makan;  
Dengarlah kawan nasihatku ini,  
Keselamatan diri perlu diutamakan.



## Aktiviti

Menyatakan maksud pantun dengan betulnya.

- Bimbing murid membaca rangkap pantun dan minta murid menyatakan maksud pantun.



KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan

2.3.1 (ii)  
BA: 72-73

Pembelajaran Luar Bilik Darjah  
Ilmu – Pendidikan Jasmani dan Kesihatan



## Menulis

# Kita Waspada Kita Selamat




Ini taman sains sekolah saya. **Kita semua perlu menjaga keselamatan diri semasa berada di sini.**

**Jangan bermain di tepi kolam ikan.** Kita mungkin akan tergelincir dan terjatuh ke dalam kolam.

Pokok-pokok yang berduri juga terdapat di sini. **Kita mestilah berhati-hati.** Duri yang tajam boleh mencederakan kita.

**Kita juga dilarang bergayut pada dahan pokok.** Dahan yang rapuh akan patah. **Kita akan terjatuh dan cedera.**

Oleh itu, awasilah diri dan patuhilah peraturan.



## Aktiviti

Menulis ayat yang diimlakkan dengan ejaan yang betul.



- Pastikan murid membaca dan memahami bahan untuk menulis secara imlek.  
KB – Mengcam  
EMK: Nilai Murni – Berwaspada

Pembelajaran Kontekstual

3.2.4 (iii)  
BA: 74



## Kata Tanya

### Beringat Sentiasa




Apakah nama pondok ini?

Siapakah yang bertugas di sini?

Bilakah pengawal keselamatan bertugas?

Di manakah letaknya pondok pengawal keselamatan?



siapa



mana

- Cikgu Danial sedang menasihati murid-murid.

- Murid-murid dilarang bermain di atas tangga.



apa

- Ini gambar stor tukang kebun.



bila

- Murid-murid membeli makanan pada waktu rehat.

## Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata tanya dengan betulnya.

### Bijak Bahasa:

**Kata tanya** ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan atau menyatakan sesuatu.  
Contoh: *apa, siapa, mana, bila*.



- Bimbing murid membina ayat dengan menggunakan kata tanya berdasarkan gambar.
- KB – Mencirikan
- EMK: Nilai Murni – Menjaga keselamatan diri

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (vi)  
BA:75-77



## Kata Perintah

### Bomba Sukarela



Sila berkumpul di padang pada pukul 9.00 pagi.

Harap berikan perhatian semasa pasukan bomba sukarela membuat pertunjukan.

Jangan sentuh api itu.



Tolong bawa alat pemadam api itu ke sana.

#### Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata perintah dengan betulnya.

- Bimbing murid membina ayat dengan menggunakan kata perintah berdasarkan gambar.

KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Berwaspada

Pembelajaran Konstruktivisme

5.1.4 (ii)  
BA: 78





# SELAMAT DI JALAN RAYA



## Mendengar dan Bertutur

### Melintas dengan Selamatnya

hentian bas



warden trafik

bebendul

lintasan belang

melintas jalan

Kawan-kawan,  
Kita hendaklah berhati-hati  
semasa melintas jalan. Kita  
mestilah melintas di \_\_\_\_\_.

Kita lebih selamat  
semasa melintas di sini  
kerana \_\_\_\_\_.

## Aktiviti

Bertutur berdasarkan gambar dan frasa.



- Bimbing murid bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.  
KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Berhati-hati

KP – Verbal-linguistik  
Ilmu – PKJR

1.2.1  
BA:79-80




## Menyanyi

Lampu berisyarat  
Ada tiga warna  
Merah  
Kuning  
Hijau  
Itulah warnanya  
Merah berhenti  
Kuning bersedia  
Hijau bergerak  
Itulah gunanya

(Lagu: PKJR Tahun 1)

## Lampu Isyarat



### Aktiviti

Mengenal pasti dan menyatakan kandungan seni kata lagu dengan betulnya.



- Bimbing murid membaca seni kata lagu.
- Minta murid melengkapkan maklumat dalam peta pemikiran yang sesuai.
- Bimbing murid bernyanyi.

KB – Menghubungkaitkan  
EMK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan



## Menulis

### Beginilah Caranya

Puan Harlina memegang tangan anak-anaknya. Mereka hendak melintas jalan raya. Mereka mengamalkan lima langkah melintas dengan selamatnya.

Mula-mula...

Puan Harlina dan anak-anaknya berhenti di bahu jalan.



Selepas itu, mereka melihat ke kanan dan ke kiri. Kemudian, mereka melihat ke kanan semula.



Seterusnya, mereka mendengar bunyi kenderaan yang datang.



Sebelum melintas jalan raya, mereka berfikir terlebih dahulu.



Mereka berwaspada dan berhati-hati semasa melintas jalan raya.



Akhirnya, Puan Harlina dan anak-anaknya dapat melintas jalan raya dengan selamatnya.

### Aktiviti

Menulis karangan berdasarkan gambar.

- Bimbing murid menulis karangan berdasarkan gambar dan ayat.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Berwaspada

Pembelajaran Kontekstual  
Ilmu – PKJR



3.3.1 (i)  
BA: 82-83

## Pemulihan

Bina ayat tanya.

di sekolah kamu

siapa

Guru disiplin

?

Di manakah

beratur

murid-murid

?

tempat ini

Nama

apa

?

Sarjan Ramli

Bilakah

bertugas

?

## Pengayaan

Tugasan:

- 1 Secara berpasangan, kamu dikehendaki melawat ke kawasan sekitar sekolah.
- 2 Bina ayat tanya dengan kata tanya yang berikut. Ayat tanya yang dibina mestilah berkaitan dengan keselamatan di sekolah.

siapa

apa

mana

bila

- 3 Tampalkan ayat yang dibina pada papan kenyataan kelas.

## Penilaian 4

- A. Baca cerita dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, tuturkan cara-cara menggunakan cerek elektrik.

### Aku Cerek Elektrik

Aku sebuah cerek elektrik. Aku digunakan untuk menjerang air. Aku boleh mencederakan jika tidak digunakan dengan betulnya.

Begini caranya. Mula-mula, buka penutup badanku. Isikan air ke dalam tubuhku mengikut sukatan. Kemudian, tutup semula tudungku.

Selepas itu, pasangkan soket pada palam elektrik. Tekan suis elektrik dan suis badanku. Beberapa minit kemudian, badanku akan panas. Air akan mendidih.

Gunakanlah aku dengan cermat agar tidak mendatangkan kecederaan kepada sesiapa.

- B. Tuliskan ayat yang diimlakkan oleh guru berdasarkan teks di atas.

- C. Lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai.

1. Guru disiplin sedang memberikan taklimat \_\_\_\_\_ murid-murid. (**dari** / **pada** / **kepada**)
2. Murid-murid tidak dibenarkan masuk \_\_\_\_\_ bilik guru tanpa kebenaran. (**ke** / **di**)
3. Di \_\_\_\_\_ tempat melintas yang selamat? (**bilakah** / **manakah**)
4. Dilarang melintas di \_\_\_\_\_ bas yang sedang berhenti. (**hadapan** / **belakang**)

## Pengukuhan

### A. Baca dan fahami teks. Kemudian, jawab soalan.

Mila demam. Alia melawat Mila.

“Pernahkah kamu minum madu lebah, Mila?” tanya Alia.

“Tidak pernah,” jawab Mila.

“Cubalah minum madu lebah selalu. Kita tidak mudah dijangkiti penyakit. Tubuh kita juga akan sentiasa sihat.

“Ya, saya ingin mencubanya,” balas Mila.

“Saya minum satu sudu madu lebah yang dibancuh dengan air setiap pagi,” kata Alia.

“Wah, patutlah saya lihat kamu sentiasa sihat!” kata Mila.

1. Siapakah yang demam?
2. Alia minum madu lebah bila?
3. Mengapakah madu lebah baik untuk kesihatan? 🧠
4. Jika kamu demam, apakah yang perlu kamu lakukan?

### B. Bina ayat berdasarkan gambar dan perkataan.



dan



atau



tetapi



# NEGARAKU TERCINTA



**Malaysia  
Negaraku**

Malaysia  
negaraku indah  
rakyat bersatu  
pelbagai budaya.

Malaysia  
negaraku tercinta  
bersama majukan negara  
demi masa hadapan.



## Aktiviti


Murid menyatakan maklumat berdasarkan sajak dan gambar.



# BUDAYA KITA



## Mendengar dan Bertutur



# Pakaian Tradisi

SIONAL

Nizam, pakaian tradisi orang Melayu cantik.

Lelaki Melayu memakai baju Melayu dan seluar panjang. Mereka juga memakai samping dan songkok.



Benar, Jagu. Pakaian orang Melayu menarik.

Wanita Melayu pula memakai \_\_\_\_\_

Baju Kebaya  
- Diperbuat daripada kain kasa  
- Dipakai bersama kain batik atau songket

Sari  
- Diperbuat daripada sehelai kain yang tidak berjihit sepanjang empat ke sembilan meter  
- Si pemakai perlu memakai anak baju yang ketat sebelum sari dilitit dari pinggang dan dilempang pada bahu kiri dengan tiga hingga empat kali

Baju Geongsom  
- Diperbuat daripada sutera  
- Kebiasaannya berwarna merah



## Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid berbual untuk menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.
- KB – Menghubungkaikan  
EMK: Nilai Murni – Menghargai tradisi

KP – Interpersonal

1.2.2  
BA: 1



## Membaca

### Penganan Kak Doli

Penganan ialah hidangan istimewa pada Hari Gawai. Oleh itu, Kak Doli hendak membuat penganan.



Kak Doli menggunakan tepung beras, gula apong, air dan minyak masak.



Kak Doli **membancuh** tepung beras dengan gula apong dan sedikit air.



Selepas itu, Kak Doli **menuangkan** banchuan itu ke dalam kuali.



Kak Doli **mengoreng** penganan sehingga masak.



Kak Doli **menghidangkan** penganan kepada tetamu.

### Aktiviti

Menaakul gambar untuk menyatakan perkataan dan membina ayat.



- Bimbang murid menaakul gambar untuk menyatakan perkataan dan membina ayat daripada perkataan tersebut.

KB – Menaakul

EMK: Nilai Murni – Menghargai tradisi

2.2.1 (i)  
BA: 2-3

Pembelajaran Konstruktivisme



## Menulis

### Tarian Datun Julud



A

Tarian Datun Julud terkenal di Sarawak. Tarian ini boleh ditarikan secara berseorangan atau berkumpulan. Penari tarian ini ialah gadis Kenyah. Mereka biasanya memakai pakaian tradisional. Ada bulu burung kenyalang di jari penari. Mereka menghentak kaki dan bertepuk tangan. Tarian mereka mengikut irungan alat muzik, sape.

B

Jagu berkunjung ke rumah panjang di Long Busang. Semasa di sana, dia menyaksikan tarian Datun Julud. **Empat orang gades Kenyah sedang menarikan tarian ini.** Mereka memakai pakayaan tradisional. Jagu melihat bulu burong kenyalang di jari penari. Bunyi alat musik sape mengiringi tarian mereka. Para penari menghintak kaki dan bertepok tangan.

### Aktiviti

Mengedit kesalahan ejaan.



- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan dalam Teks B berdasarkan Teks A.
- Minta murid menyalin teks dengan ejaan yang telah diedit.

KB – Mengelam

EMK: Nilai Murni – Menghargai budaya

Pembelajaran Kontekstual

3.3.2 (i)  
BA: 4-5



## Kata Berimbuhan Akhiran

### Pesta Tamu Besar

Keluarga Jagu pergi ke Pesta Tamu Besar. Ada banyak acara di pesta tersebut. Antaranya ialah **jualan**, pertunjukan pentas dan acara berkuda.

Ayah, **benarkan**  
saya menaiki kuda.

Baiklah, Jagu.  
Ayah izinkan.



Ibu, **belikan** saya  
rantai kunci ini.



Banyak hasil  
**tanaman**  
dijual di sini.



Jagu, di sana ada  
persesembahan **tarian**.



### Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan akhiran dengan betulnya.

- Bimbing murid mengenal pasti perkataan berimbuhan akhiran.

KB – Mengenal pasti  
EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

Pembelajaran Kontekstual

5.2.1 (ii)  
BA: 6





# MILIK KITA



## Mendengar dan Bertutur

Nizam, pernah lihat bunga pakma?

Ya, Nizam. Tetapi saya hanya pernah melihatnya di televisyen.

Tidak. Kamu pernah melihatnya, Jagu?

Oh, begitu!

### Bunga Pakma

- dikenali sebagai bunga Raflesia

Apakah nama lain bagi bunga pakma?



Yang manakah bunga pakma, Jagu?



Apakah keistimewaan bunga pakma?

Bunga pakma bunga rasmi negeri apa?



### Bunga Pakma

- bunga terbesar di dunia
- bunga rasmi negeri Sabah

## Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan.



- Bimbang murid memberikan respons terhadap soalan secara aksi dan lisan dan simulasikan.

KB – Menghubungkaitkan

EMK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar

Kecerdasan Pelbagai

1.1.2 (i)  
BA: 7



## Membaca


### Burung Kenyalang



Burung kenyalang lambang negeri Sarawak. **Warna bulu badan burung kenyalang hitam**. Ekor dan sayapnya berwarna putih. Paruh burung kenyalang pula kuning.

Burung kenyalang gemar makan buah-buahan. Selain itu, burung ini juga makan serangga, cicak dan ular.

Burung kenyalang ada banyak di hutan negeri Sarawak. Bagi kaum Dayak, burung ini berkuasa. Rakyat Sarawak berbangga dengan burung kenyalang.



### Aktiviti

Menyatakan idea tersurat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid mencari idea tersurat berdasarkan bahan dan melengkapkan peta bulatan.  
KB – Menakul  
EMK: Nilai Murni – Cinta akan negara


Kecerdasan Pelbagai

2.2.1 (ii)  
BA: 8-9



## Menulis

# Pondok Malaysia



Ada pondok di halaman rumah Jagu. Nama pondok itu “Pondok Malaysia”. Jagu, Nizam dan Ganesh selalu bermain di situ.

Hari Kebangsaan hampir tiba. Mereka menghias pondok itu Jagu menampal gambar pemimpin negara.

Ganesh mewarnai gambar bunga raya. Dia menggunakan warna merah kuning dan hijau. Nizam pula memasang bendera Malaysia.

Pondok itu cantik sekarang mereka bercita-cita hendak membina bangunan yang menjadi kebanggaan negara.

## Aktiviti

Mengedit teks dengan tanda baca yang betul.



- Bimbing murid membaca teks dan meneliti kesalahan tanda baca dan membetulkannya.

KB – Menganalisis

EMK: Nilai Murni – Patriotisme

PK - Mengaplikasi

3.3.2 (ii)  
BA: 10-11




## Seni Bahasa

### Syair Tiga Sahabat

Tiga sahabat berbilang bangsa,  
Itulah Kim Man, Rama dan Musa,  
Pergi ke sekolah bertiga sentiasa,  
Tiba awal menepati masa.

Setiap petang Rama ke taman,  
Beriadah dengan Musa dan Kim Man,  
Gembira bermain bersama teman,  
Bersenam berlari di tengah laman.

Selalu mereka ke rumah Rama,  
Kerja sekolah disiapkan bersama,  
Masa diambil tidaklah lama,  
Kerana dibuat dengan kerjasama.



### Aktiviti

Melakukan syair.



- Bimbing murid melakukan syair mengikut irama "Selendang Delima".

KB – Menyesuaikan

EMK: Nilai Murni – Muafakat

KP – Logik muzik

4.2.3  
BA: 12



## Kata Majmuk

### Sambutan Hari Kebangsaan

Jagu dan keluarganya menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan.

jet

lintas

hormat

lintas

cermin

jam

kain

biru

tangan

pejuang

hormat

muda

rentang

mata



#### Bijak Bahasa:

**Kata majmuk** ialah rangkaian dua perkataan atau lebih yang membawa makna tertentu.  
Contoh: *guru besar, jalan raya, kereta api*.

### Aktiviti

Membina dan menggunakan kata majmuk berdasarkan bahan.



- Bimbing murid bercerita tentang gambar dengan menggunakan kata majmuk.

KB – Mengkonsepsi

EMK: Nilai Murni – Cinta akan negara

Pembelajaran Kontekstual

5.2.2  
BA: 13



## Kata Ganda

### Indahnya Pulau Manukan

pokok-pokok

bot-bot

ikan-ikan

budak-budak

pelampung-pelampung

Pulau Manukan terletak di Sabah. Pulau ini terkenal kerana keindahannya. Kelihatan **bot-bot** di jeti. Air laut di sini jernih. Kita boleh melihat ...

### Aktiviti

Bercerita dengan menggunakan kata ganda berdasarkan bahan.

#### Bijak Bahasa:

**Kata ganda** ialah perkataan yang digandakan. Contoh: *budak-budak, bot-bot, pokok-pokok, ikan-ikan*.

- Bimbing murid bercerita dengan menggunakan kata ganda.

KB – Membuat inferens

EMK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar

KP – Naturalis

5.2.3 (i)  
BA: 14





# SIKAP YANG BAIK



## Mendengar dan Bertutur Hargai Kemudahan

Jagu, belajarlah dengan bersungguh-sungguh.

Jagalah buku teks itu dengan baik.

Baik, datuk. Saya akan belajar dengan tekunnya.

Syabas, Jagu! Semua buku teks kamu berbalut.

Murid-murid, contohilah sikap Jagu. Hargai kemudahan yang kamu dapat.

Terima kasih, cikgu.

### Aktiviti

Memberikan respons terhadap pesanan.



- Bimbing murid memberikan respons terhadap pesanan dan melakonkannya.

KB – Menghubungkaikan  
EMK: Nilai Murni – Menghargai

KP – Interpersonal

1.1.2 (iii)  
BA: 15



## Terperangkap di Terowong



Sekumpulan katak masuk ke dalam terowong.  
Mereka mencari makanan.



Mereka mendapat banyak makanan.  
“Kita bahagikan sama rata,”  
kata Tuk Rontok, ketua mereka.



“Mari kita alihkan batu-batu ini,” kata Tuk Rontok.



Katak-katak itu bekerjasama mengangkat batu.



Mereka hendak keluar dari terowong itu. Tiba-tiba, tanah runtuh.



Seekor katak tersepit di celah batu. Dia tidak dapat bergerak.




Mereka mengangkat katak yang cedera dengan pengusung.



Akhirnya, mereka dapat keluar dengan selamatnya.

## Lengkapkan peta alir.



## Aktiviti

Memahami dan melakonkan cerita.



- Minta murid membaca cerita dengan telitinya dan mempersembahkannya dalam bentuk lakonan.

KB – Menaakul

EMK: Nilai Murni – Kerjasama

KP - Kinestetik

**2.3.2**  
BA: 16-17



## Menulis

# Perhimpunan Mingguan

1



Pada setiap hari Isnin, perhimpunan mingguan diadakan di sekolah Jagu.

2




Murid-murid menyanyikan lagu *Negaraku*. Mereka berdiri tegak.

3



Mereka tidak berbual semasa Guru Besar berucap. Jagu mencatat maklumat yang penting.

4



Setelah perhimpunan tamat, murid-murid bergerak ke kelas. Mereka berjalan dengan teraturnya.

**Jawab soalan di bawah ini.**

1. Bilakah perhimpunan mingguan diadakan?
2. Apakah yang dilakukan oleh Jagu semasa Guru Besar berucap?
3. Mengapa kita mesti berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*?

## Aktiviti

Menulis jawapan bagi soalan bertumpu dan soalan bercapah.

- Minta murid menjawab soalan bertumpu dan bercapah berdasarkan bahan.

KB – Menjana idea

EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual



3.2.2 (i) (ii)  
BA: 18



## Ayat Penyata

### Bersopan Santun

Jagu duduk bersila dengan sopannya.



duduk bersila

Normi menutup hidung dan mulut dengan sehelai sapu tangan ketika bersin.



menutup hidung dan mulut

berjabat tangan



Amalan yang Sopan

menutup mulut



Amin menutup mulut semasa menguap.



### Aktiviti

Membina ayat penyata yang betul berdasarkan gambar.

- Bimbing murid membina ayat penyata berdasarkan bahan.

KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

Pembelajaran Kontekstual



5.3.1 (i)  
BA: 19-20



## Ayat Tanya



### Bantu-membantu

Ayah, barang-barang ini untuk siapa?

Di manakah  
\_\_\_\_\_?



Barang-barang ini untuk mangsa kebakaran.

Kebakaran itu berlaku di Kampung Aman.

Bilakah  
\_\_\_\_\_?



Kebakaran itu berlaku semalam.

\_\_\_\_\_?



Ayah akan ke sana dengan Pak Cik Musa.

### Aktiviti

Membina ayat tanya berdasarkan bahan.



- Bimbing murid membina ayat tanya berdasarkan jawapan yang diberikan.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Baik hati

Pembelajaran Kontekstual

5.3.1(ii)  
BA: 21-22

## Pemulihan

Bina ayat daripada rajah di bawah.

- |              |  |
|--------------|--|
| Jagu         | makan nasi lemak.  |
| Pengawas itu | menaikkan Jalur Gemilang.  |
| Cikgu Razlan | membaca buku di pusat sumber.<br>melihat perarakan Hari Kebangsaan.<br>membuang sampah ke dalam tong sampah. |

## Pengayaan

Cari benda tersembunyi yang terdapat dalam gambar.  
Kemudian, bina ayat.



## Penilaian 5

- Nyatakan aktiviti yang terdapat dalam gambar.
- Tulis **lima** perkataan yang sesuai berdasarkan gambar.
- Bina **dua** ayat penyata dan **dua** ayat tanya berdasarkan gambar.





- Baca petikan dengan teliti. Kemudian, betulkan kesalahan ejaan dan tanda baca.

Jualan barang buatan Malaysia diadakan di dewan orang ramai. Jagu dan keluarganya berkunjung ke pesta itu. Para peniaga menjual pelbagai barang ibu Jagu telah membeli alas meja bakol dan tuala. keluarga Jagu menghargai barang buatan negara seniri.



# SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



## Aktiviti

Bersoal jawab berdasarkan bahan grafik.



# SAINS DAN KITA



## Mendengar dan Bertutur

### Ingat Pesanan Cikgu

Kalang, esok ada benda yang kamu perlu bawa.



Ya, cikgu.  
Apakah benda yang perlu dibawa?

Bawa batu kecil, gelas plastik, duit syiling, penyedut minuman dan tudung botol.



Apakah yang hendak kita buat?

Kita akan membuat uji kaji sains.  
Tolong sampaikan pesanan ini kepada kawan-kawan kamu.



### Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap pesanan.



- Bimbing murid melakukan aktiviti main peranan.
- KB – Menjanakan idea
- EMK: Nilai Murni – Hormat-menghormati

KP – Interpersonal

1.1.2 (iii)  
BA: 23



## Membaca

### Tenggelam dan Timbul

Cikgu Amar membimbing murid-murid membuat uji kaji sains. Mula-mula, murid-murid diminta mengisi air ke dalam gelas plastik.

Kemudian, mereka diminta memasukkan duit syiling, tudung botol, batu kecil dan penyedut minuman yang dipotong pendek ke dalam gelas. Yang berikut ialah hasil uji kaji yang dijalankan.



Batu dan duit syiling tenggelam di dalam air.



Penyedut minuman dan tudung botol timbul di permukaan air.

Berdasarkan uji kaji ini, objek yang berat akan tenggelam di dalam air. Objek yang ringan pula akan \_\_\_\_\_.

#### Aktiviti

Menyatakan maklumat tersirat berdasarkan grafik.



- Bimbing murid menaakul teks untuk mendapatkan idea tersirat.

KB – Membuat kesimpulan

EMK: Nilai Murni – Rasional

Pembelajaran Konstruktivisme




2.2.1 (iii)  
BA: 24



## Menulis

### Kenali Anggota Badan Kita

Anggota badan kita terdiri daripada empat bahagian. Bahagian-bahagian itu ialah kepala, badan, tangan dan kaki. Mari kita labelkan.



#### Aktiviti

Membina dan menulis perkataan.



- Bimbing murid membina dan menulis perkataan berdasarkan bahan.
- KB – Mencirikan
- EMK: Nilai Murni – Kesukuruan

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (i)  
BA: 25




## Menulis

deria dengar

deria sentuh

deria rasa

deria bau




Mata ialah deria lihat kita. Kita menggunakan untuk melihat.



Telinga ialah \_\_\_\_\_ kita. Kita menggunakan untuk mendengar.



Hidung ialah \_\_\_\_\_. Kita menghidu melaluinya.



Lidah ialah \_\_\_\_\_. Kita menggunakan untuk merasa.

Tangan ialah \_\_\_\_\_. Kita menggunakan untuk menyentuh.



### Aktiviti

Membina dan menulis frasa.



- Bimbing murid membina dan menulis frasa berdasarkan bahan.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Kesukuran

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (ii)  
BA: 26



## Ayat Perintah

### Sains Perubatan

Kalang demam. Ayah membawanya berjumpa dengan Doktor Mira.

#### Bilik Rawatan

Tarik nafas kamu.

Baik, doktor.



Tolong buka mulut kamu.

Suhu badan kamu tinggi. Kamu demam. Kamu perlu berehat.



Sila ambil ubat di kaunter ubat.

Baiklah, doktor.



#### Kaunter Ubat

Sila makan ubat mengikut aturannya.

Ya, puan.



Jangan minum minuman berais.



Tolong simpan ubat di tempat yang selamat.

Baik, puan. Terima kasih.



#### Bijak Bahasa:

**Ayat perintah** ialah ayat yang bertujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

Contoh:

Sila duduk. Sila ambil ubat. Jangan minum air batu. Tolong simpan ubat ini.

### Aktiviti

Membina ayat perintah.

- Bimbing murid mengenal pasti dan membina ayat perintah berdasarkan gambar.
- Minta murid menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

Pembelajaran Kontekstual

5.3.1 (iii)  
BA: 27-28







# TEKNOLOGI DAN KITA



## Mendengar dan Bertutur Kamus Elektronik



Wah, kamu sudah ada kamus elektronik!  
Boleh ceritakan kelebihan kamus ini?



### Aktiviti

Bertutur berdasarkan gambar dan maklumat.



- Bimbing murid bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila.
- KB – Menjanakan idea
- EMK: Nilai Murni – Menghargai teknologi
- KP – Interpersonal

1.2.1  
BA: 29



## Membaca

### Kami Memudahkan Kerja

Hai, aku pembersih vakum! Aku sangat berguna kepada manusia.

Aku dapat menyedut habuk dan sampah. Aku dapat membersihkan lantai dan siling rumah.

Aku kuat kerana aku menggunakan tenaga elektrik.


Manusia sangat sayang akan aku.

Wah, hebatnya kamu!  
Aku pula mesin basuh.  
Aku kuat bekerja.

Aku menggunakan kuasa elektrik. Aku dapat membasuh pakaian dengan cepat.

Aku juga dapat mengeringkan pakaian.

Aku berasa bangga kerana dapat meringankan kerja manusia.



Peralatan	Kegunaan	Keistimewaan
• mesin basuh	• membasuh pakaian	• membasuh pakaian dengan cepatnya



Aku seterika elektrik.  
Badan aku panas dengan  
kuasa elektrik.

Aku dapat menggosok  
pakaian dengan cepat.  
Aku mampu menggosok  
banyak pakaian setiap  
hari.

Aku sangat membantu  
manusia. Tanpa aku,  
kerja menggosok menjadi  
sukar. Gunalah aku.

Aku juga penting seperti  
kamu. Nama aku pengisar  
elektrik.

Aku dapat melumatkan cili  
dan bawang dengan cepat.  
Aku juga dapat membuat jus  
buah-buahan.

Aku memudahkan  
manusia menyediakan  
makanan dan minuman.

Aku bekerja dengan  
pantasnya. Manusia sentiasa  
memerlukan aku.

## Aktiviti

Menyatakan kandungan teks dengan betulnya.



- Bimbing murid membaca, mengenal pasti kandungan teks dan memindahkannya ke dalam bentuk grafik.

KB – Mengategorikan

EMK: Nilai Murni – Kesyukuran

BCB – Bacaan Intensif

2.3.1 (i)  
BA: 30-31



## Menulis



# Pintu Pagar Automatik




Kawan-kawan,  
Pada suatu hari, saya dan keluarga pulang dari bandar.  
Pada masa itu, hujan turun dengan lebatnya.

Ibu turun dari kereta untuk membuka pintu pagar. Walaupun ibu menggunakan payung, badannya basah kuyup. Kami kasihan melihat keadaan ibu.

Ayah mendapat suatu idea.



- pasang pintu pagar automatik
- guna alat kawalan jauh
- buka secara automatik
- tutup secara automatik



Kita haruslah bersyukur kerana kemajuan teknologi telah membantu dan memudahkan kerja kita.

## Aktiviti

Membina dan menulis ayat.



- Bimbing murid membina dan menulis ayat berdasarkan gambar dan frasa.

KB – Menjanakan idea

EMK: Nilai Murni – Menghargai teknologi

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (iii)  
BA: 32



## Pantun

### Hebat Teknologi

Naik kereta ke Kota Tinggi,  
Membawa sarat sebakul berangan;  
Jika kita gunakan teknologi,  
Kerja yang berat menjadi ringan.



Hutan mana hendak direduah,  
Mencari pakma yang tiada di desa;  
Teknologi berguna sangat berfaedah,



Daunnya lebat pohon serapat,  
Tidaklah tinggi tumbuhnya jarang;  
  
Itulah teknologi zaman sekarang.



Menangkap ikan waktu pagi,  
  
Banyak kebaikan guna teknologi,

Turunkan sauh pasangkan pukat;  
Jarak yang jauh menjadi dekat.

Fungsi utama jimatkan masa.

Kerja yang lambat menjadi cepat,

### Aktiviti

Membina pantun empat kerat dan melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.



- Bimbing murid membina pantun empat kerat secara terkawal dan melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- Minta murid menyatakan kebaikan sains dan teknologi berdasarkan pantun.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Kreativiti dan inovasi

Pembelajaran Kontekstual

4.2.1 (ii)  
4.3.1 (ii)  
BA: 33



## Ayat Seruan

### Basikal Solar



Mariah: **Wah, hebatnya basikal solar ini!**

Kanang: Ya, Mariah. Basikal ini menggunakan tenaga solar untuk menggerakkannya. Basikal ini ringan dan mesra alam. Tenaganya diperoleh daripada cahaya matahari.

Kalang: Apakah yang kamu berdua lihat?

Mariah: **Eh, kamu rupanya, Kalang!** Kami sedang melihat basikal solar.

Kalang: **Oh, begini rupanya basikal solar! Amboi, laju sungguh basikal solar ini!**


### Kereta Solar




wah



eh



oh



amboi

#### Bijak Bahasa:

**Ayat seruan** ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan melahirkan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya.

Contoh: *Wah, cantiknya kereta ini!*  
*Amboi, laju motosikal itu!*

### Aktiviti

Membina ayat seruan berdasarkan gambar.

- Bimbing murid membina ayat seruan berdasarkan gambar dan kata seru.
- Minta murid merujuk contoh ayat seruan berdasarkan ayat yang diwarnakan.



KB – Menganalisis  
EMK: Nilai Murni – Rasional

Pembelajaran Konstruktivisme

5.3.1 (iv)  
BA: 34



# HEBATNYA INOVASI



## Mendengar dan Bertutur

### Penyiram Pokok Inovasi



botol plastik

tebuk lubang

isikan air dan tutup botol

Keistimewaan penyiram pokok inovasi:

- menjimatkan air
- tahan lama
- mudah digunakan
- tidak perlu siram setiap hari
- guna bahan terbuang
- menjimatkan wang
- menjimatkan tenaga



Benamkan di dalam tanah. Tanah akan menyerap air.

Kawan-kawan,  
Marilah kita membuat penyiram pokok inovasi.  
Cara membuatnya sungguh mudah.  
Mula-mula, sediakan \_\_\_\_\_.



### Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan gambar.



- Bimbing murid menghasilkan alat penyiram pokok.
- KB – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Kreativiti dan inovasi

Pembelajaran berdasarkan projek



## Membaca


### Treler Motosikal Datuk



Rambut ikal cantik terbentuk,  
Nampak indah berwarna perang;  
Treler motosikal ciptaan datuk,  
Untuk mudah mengangkut barang.

Datuk mencipta treler motosikal untuk  
mengangkut barang dengan mudahnya.

Enak rasanya belimbing besi,  
Dibawa belayar ke Sungai Perak;  
Treler dibuatnya daripada besi,  
Dipasang tayar senang bergerak.



Ke Kuala Lukut membawa bekal,  
Bekal serawa dengan manisan;  
Treler disangkut pada motosikal,  
Untuk membawa hasil tanaman.



Hinggap belatuk di palang besi,  
Besi bukan palang penghadang;  
Ciptaan datuk menjadi inovasi,  
Menjadi tarikan ramai peladang.



### Aktiviti

Menyatakan maksud pantun berdasarkan gambar.



- Bimbing murid menyatakan maksud pantun berdasarkan gambar.

KB – Merumus

EMK: Nilai Murni – Kreativiti dan inovasi

Pembelajaran Konstruktivisme

2.3.1 (ii)  
BA: 37



## Menulis

### Wah, Mudahnya!

Buku Teks	Pelekat	Hari	Pelekat
Bahasa Melayu	●	Isnin	● ●
Bahasa Inggeris	●	Selasa	● ● ●
Matematik	●	Rabu	● ●
Muzik	●	Khamis	● ● ● ●

Ibu Kalang mencipta penanda buku pintar. Penanda buku pintar ini memudahkan Kalang membawa buku ke sekolah mengikut jadual waktu.

Kalang perlu membawa buku Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada hari Isnin. Pada hari Selasa pula, Kalang membawa buku ● ● ●.

Kalang membawa buku ● ● pada hari Rabu. Pada hari Khamis dia membawa buku \_\_\_\_\_.

Kalang tidak lagi perlu membawa semua bukunya setiap hari ke sekolah. Begnya menjadi ringan.

### Aktiviti

Membina dan menulis ayat berdasarkan rajah.




- Bimbing murid membina dan menulis ayat berdasarkan jadual.
- KB – Menyelesaikan masalah
- EMK: Nilai Murni – Kreativiti dan inovasi

Pembelajaran Konstruktivisme

3.2.1 (iii)  
BA: 38-39



## Mari Bernyanyi



### Berus Gigiku Hebat

Saya ada berus gigi  
Berus gigi inovasi

Gosok sana  
Gosok sini  
Berus gigi hari-hari

Rupanya macam pen  
Disemat pada poket  
Ubat gigi di dalamnya  
Nak guna picit saja

Berus gigi istimewa  
Mari kita gunakannya  
Saya guna setiap hari  
Gigi putih nampak berseri

(Irama lagu: *Wau Bulan*)

### Aktiviti

Menyanyikan lagu dengan sebutan dan intonasi yang betul.



- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- KB – Menghubungkaitkan  
EMK: Nilai Murni – Menjaga kebersihan

KP – Muzik

4.2.2 (ii)  
BA: 40



## Ayat Tunggal



### Perangkap Nyamuk

Nyamuk sangat banyak.  
Ayah hendak membuat perangkap nyamuk.



Ayah memotong botol plastik.




Ayah memasukkan gula merah.  
Ayah menuang air panas.  
Ayah mengacau bahan-bahan itu.



Ayah menuang banchuan itu ke dalam botol.



Ayah mencampurkan ragi.



Nyamuk akan tertarik dengan bahan campuran ini.

Perangkap nyamuk inovasi ini amat berguna kepada kita. Sekarang kita dapat tidur dengan nyenyaknya.

#### Bijak Bahasa:

**Ayat tunggal** ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat. Contoh:  
Ali membaca buku.  
Melukis kegemaran Siti.  
Masakannya enak.

### Aktiviti

Memahami ayat tunggal berdasarkan gambar.



- Bimbing murid membina ayat tunggal yang lain.
- KB – Menganalisis
- EMK: Nilai Murni – Kreativiti dan inovasi

Pembelajaran Konstruktivisme

5.3.3 (i)  
BA: 41



## Ayat Majmuk

### Mari Kutip Durian



Pada musim buah-buahan, Kalang dan keluarganya pulang ke kampung.

Datuk Kalang ada dusun durian. Dusun durian datuk terletak di lereng bukit. **Bukit itu tidak tinggi tetapi curam.** Datuk memasang jaring di sekeliling dusunnya. Buah durian yang gugur akan tersangkut pada jaring tersebut.

Datuk membawa buah durian dengan treler motosikal atau lori. Datuk menjual buah durian kepada peraih atau pemborong.

#### Bijak Bahasa:

**Ayat majmuk** ialah cantuman dua ayat tunggal atau lebih.  
Contoh:  
Ali dan Ahmad membaca buku.  
Kakak menari sambil bernyanyi.

#### Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat majmuk.



- Bimbing murid membina ayat majmuk yang lain berdasarkan gambar dan maklumat.

KB – Menganalisis

EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Konstruktivisme

5.3.3 (ii)  
BA: 42

## Pemulihan

Bina ayat majmuk berdasarkan rajah.

1. Kalang	dan	Alia melawat ke Pusat Sains Negara.
2. Telefon pintar ini mahal	atau	sangat berguna.
3. Kamu hendak melihat pameran sains	tetapi	tidak?

## Pengayaan

Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.

**dan**

1. a) Alif melawat ke pameran robotik di Kuala Lumpur.  
b) Keluarga Alif melawat ke pameran robotik di Kuala Lumpur.

**atau**

2. a) Alif hendak pergi ke pameran robot kereta.  
b) Alif hendak pergi ke pameran robot motosikal.

**tetapi**

3. a) Alif cuba menyentuh robot yang dipamerkan.  
b) Ayah malarang Alif menyentuh robot yang dipamerkan.

## Penilaian 6

### A. Sampaikan maklumat berdasarkan gambar.



**Keistimewaan:**

Boleh memasak pelbagai jenis makanan dengan pantas. Contohnya:

- mengukus pulut, kuih, nasi
- membakar roti, kek
- memanggang ikan, ayam, daging
- memasak sup

### B. Baca teks. Kemudian, buat kesimpulan.

Cikgu Amar membawa dua buah pasu yang ditanam pokok bunga. Sebuah pasu diletakkan di dalam kelas. Sebuah pasu lagi diletakkan diluar kelas. Pasu bunga di luar kelas terdedah kepada cahaya matahari.

Cikgu Amar menyuruh murid-muridnya menyiram pokok bunga tersebut. Selepas beberapa hari, pokok bunga di dalam kelas telah layu manakala pokok bunga di luar kelas tetap segar.

Kesimpulannya, pokok memerlukan cahaya matahari untuk       .

### C. Lengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan berikut.

**Sila**

**Tolong**

**Wah**

**Amboi**


1. \_\_\_\_\_, tingginya Menara Alor Setar ini!
2. \_\_\_\_\_ letakkan pembersih vakum itu di dalam bilik.
3. \_\_\_\_\_, kapal selam ini boleh timbul di permukaan air!
4. \_\_\_\_\_ duduk, tayangan video akan bermula sebentar lagi.

### D. Bina dan tulis ayat berdasarkan gambar.





# LINDUNGI ALAM



## Aktiviti

Murid berbincang tentang gambar.



# SAYANGI ALAM



## Mendengar dan Bertutur Uruslah Saya



### Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan berdasarkan bahan.



- Bimbing murid memahami bahan untuk memberikan respons.

KB – Menjanakan idea

EMK : Nilai Murni – Kelestarian alam sekitar

KP - Interpersonal

1.1.2 (i)  
BA: 43



## Membaca



### Sungai

Airmu mengalir  
Dari gunung jauh di sana  
Jernih dan sejuknya  
Sungguh indah dipandang mata

Kau tetap mengalir  
Walau apa halangan tiba  
Tak berhenti-henti  
Hingga sampai di laut nanti

Masa juga akan berlalu  
Tak menunggu kita  
Gunakanlah sepenuhnya  
Janganlah leka

(Irama lagu: Sungai)

### Aktiviti

Membuat gerakan berdasarkan seni kata lagu.



- Bimbang murid menyatakan maklumat daripada seni kata lagu dengan membuat gerakan.

KB – Menghubungkaitkan

EMK : Nilai Murni – Kelestarian alam sekitar

KP - Kinestetik


2.3.1 (iii)  
BA: 44




## Menulis

### Kolam Ikan Indira

Ini rumah Indira. Di rumah Indira ada kolam ikan. Kolam ikan di rumahnya besar.



**apa**



Kolam ikan Indira terletak di belakang rumah. Kolam ikannya sentiasa bersih.

**di mana**

Ayah Indira membersihkan kolam pada waktu petang. Kolam perlu dibersihkan agar tidak berbau busuk.



**bila**



Indira membela 10 ekor ikan koi. Ikan itu cantik dan berwarna-warni. Indira rajin memberi ikan makan.

**berapa**

### Aktiviti

Jawab soalan yang berikut.

- **Apakah** yang ada di rumah Indira?
- **Di manakah** kolam ikan Indira?
- **Bilakah** ayah Indira membersihkan kolam ikan?
- **Berapa** ekor ikan yang dibela oleh Indira?



- Pastikan murid membaca dan memahami bahan untuk menjawab soalan bertumpu.  
KB – Menghubungkaitkan  
EMK : Nilai Murni – Kerjasama
- BCB – Bacaan intensif

**3.2.2 (i)**  
**BA: 45**



## Kata Majmuk

### Kegunaan Rumput

Rumput hiasan ditanam di rumah. Rumput ini juga ditanam di **taman permainan**. Rumput hiasan cantik dan lembut.



Rumput hiasan boleh ditanam di halaman **rumah banglo** dan **rumah teres**.



Rumput hiasan mengindahkan **taman bunga**.



- ditanam di **padang bola**



- sebagai tanaman **tutup bumi**



- berwarna **hijau gelap**

### Aktiviti

Menulis ayat menggunakan kata majmuk berdasarkan bahan.



- Bimbing murid meneliti dan memahami ayat untuk membina ayat menggunakan kata majmuk.
- KB – Menjanakan idea
- EMK : Nilai Murni – Prihatin

Pembelajaran Kontekstual

5.2.2 (i)  
BA: 46



## Kata Ganda

### Kebun Mini

Pagi-pagi lagi, Indira sudah bangun. Dia dan keluarga membersihkan kebun mini. Indira mengutip siput-siput yang terdapat di kebun. Dia juga menyapu daun-daun kering.

Ayah pula memacakkan kayu-kayu pada pokok terung. Pokok-pokok terung tidak akan tumbang. Ibu memetik cili-cili yang sudah masak. Kawasan rumah kelihatan hijau. Udara juga segar.



#### Aktiviti

Nyatakan kata ganda berdasarkan teks. Kemudian, bina ayat.



- Bimbing murid membina ayat menggunakan kata ganda.

KB – Mengacam

EMK : Nilai Murni – Kerjasama

Pembelajaran Kontekstual

5.2.3 (i)  
BA: 47-48



# FLORA DAN FAUNA



## Mendengar dan Bertutur

### Sayangi Haiwan

Pada setiap pagi, Indira dan Hana berjalan kaki ke sekolah. Pada suatu hari, mereka terjumpa seekor kucing di dalam longkang di tepi jalan.

Hana: Indira, cepat kita selamatkan kucing ini.

Indira: Baiklah, Hana. Saya bantu kamu.

Setelah berkali-kali mencuba, akhirnya kucing itu telah dapat diselamatkan.

Hana: Cepatlah, Indira, bawa kucing ini ke sekolah.

Indira: Ya, Hana, saya setuju. Lagipun kita sudah lewat ke sekolah.

Di sekolah, Indira dan Hana bertemu dengan guru kelas mereka.

Indira

dan Hana: Maafkan kami, cikgu, kerana lewat.

Cikgu Hadi: Beritahu cikgu, sebab kamu berdua datang lewat hari ini.

Indira dan Hana pun bercerita kepada Cikgu Hadi tentang peristiwa yang berlaku. Cikgu Hadi memuji sikap mereka.

### Aktiviti

Lakonkan dialog dengan memberikan respons terhadap suruhan.



- Bimbing murid memahami dan melakonkan dialog.

KB – Menghubungkaitkan


EMK : Nilai Murni – Kasih sayang

KP - Interpersonal



Membaca

## Haiwan yang Prihatin



Pada suatu hari, Sang Kancil bertemu dengan haiwan-haiwan di hutan.

Pencerita



4.

Saya bersetuju, Sang Kancil. Saya semakin sakit. Banyak kawan saya di sungai yang telah mati.



5.

Saya boleh memungut sampah dengan paruh saya.



6.

Saya pula boleh mengangkat kayu-kayu yang besar.



Hai, kawan-kawan!  
Mari kita bersihkan  
sungai.



Mengapa,  
Sang Kancil?



Cuba lihat. Sungai  
kita semakin kotor.



Semua haiwan  
di dalam hutan  
tersenyum  
gembira.

Pencerita

## Aktiviti

Menyampaikan cerita yang telah dibaca.



- Bimbing murid membaca dan memahami cerita dan mempersesembahkannya dalam teater pembaca.

KB – Membuat inferens

EMK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat

KP – Kinestetik

2.3.2

BA: 50



## Menulis



### Diari Abang

Keluarga Indira telah pergi ke Taman Negara di Pahang. Abang Indira menulis catatan tentang lawatan itu.

14 OKTOBER 2017



Kami disambut oleh Encik Kamal, renjer yang bertugas. Kami mendengar taklimat daripada beliau.



Indira mengukur ukur lilit sebatang pokok yang besar. Pokok itu berusia lebih daripada 100 tahun.




Ayah mengambil gambar kami bersama-sama dengan pokok periuk kera.



Kami melihat seekor tenggiling memanjat pokok. Tenggiling hidup bebas di situ.



Sebelum pulang, kami mengucapkan terima kasih kepada Encik Kamal.



### Aktiviti

Menulis maklumat berdasarkan bahan.



- Bimbing murid memahami bahan untuk melengkapkan maklumat dalam pengurusan grafik.
- KB – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Menghargai alam

BCB – Mencatat maklumat

3.2.3  
BA: 51



## Kata Hubung

# Taman Botani

Indira ke taman botani	atau	ke taman tema air?	
Indira	dan	kakak bermain jongkang-jongket.	
Indira dan abang ingin berjoging	tetapi	hari hujan.	

Cuba kamu bina ayat berdasarkan jadual.

Indira ke taman botani atau ke taman tema air?

### Aktiviti

Membina ayat dengan menggunakan kata hubung.



- Bimbing murid memahami bahan untuk membina ayat dengan kata hubung.
- KB – Menghubungkaitkan
- EMK: Nilai Murni – Menghargai alam

Pembelajaran Kontekstual

5.1.4 (i)  
BA: 52



## Ayat Penyata

### Buku Skrap Kakak

#### Pokok Periuk Kera

Pokok periuk kera ialah sejenis tumbuhan liar. Pokok ini tumbuh di dalam hutan di Malaysia.

Pokok ini unik dan cantik. Kita perlu memelihara pokok ini agar tidak pupus.

bunga seperti periuk



ada penutup

Pokok periuk kera pokok herba. Mengikut petua orang-orang tua, pokok ini baik untuk kesihatan.

Terdapat beberapa jenis periuk kera yang airnya boleh mengubati sakit mata. Akarnya pula dapat mengubati sakit lelah. Kelongsong periuk kera juga boleh dijadikan acuan untuk membuat lemang.



#### Bijak Bahasa:

**Ayat penyata** ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan.

Contoh:

1. Pokok periuk kera ialah sejenis tumbuhan liar.
2. Kita perlu memelihara pokok ini agar tidak pupus.

#### Aktiviti

Membina ayat penyata berdasarkan bahan.



• Bimbing murid memahami bahan untuk membina ayat penyata.

KB – Menjanakan idea

EMK : Nilai Murni – Bersyukur

KP – Naturalis



**Unit  
21**

# BERSIHKAN ALAM



Mendengar dan Bertutur

## Program Hari Hijau

Murid-murid, esok ada Program Hari Hijau.

### SAYANGI SEKOLAH KITA

#### Program Hari Hijau

Sekolah Kebangsaan Taman Murni

Tarikh: 9 September 2017

Hari: Sabtu

Masa: 8.00-12.00 tengah hari

Pakaian: Baju-T dan Seluar sukan

#### Aktiviti:

- berkebun
  - membersihkan dan menghias kelas.
- Sebauh murid diminta hadir.  
Sekian, terima kasih.

Kamu perlu membawa kain lap.

Baik, cikgu. Kami akan datang.

Anita, kamu boleh juga membawa bunga untuk hiasan di atas meja.

Ya, cikgu. Saya akan bawa kain lap.



### Aktiviti

Memberikan respons terhadap pesanan berdasarkan bahan.



- Bimbang murid memahami perbualan dan membuat simulasi.

KB - Menjanakan idea


EMK: Nilai Murni – Hemah tinggi

KP - Interpersonal

**1.1.2 (iii)**  
**BA: 55**



### Jimatkan Tenaga



Selepas makan malam, Indira bertanya kepada ayahnya.

“Ayah, bagaimanakah caranya menjimatkan tenaga elektrik di rumah?”

Ayah berfikir sebentar, kemudian berkata, “Oh, ada banyak cara Indira! Kita hendaklah menutup suis lampu apabila hari sudah cerah. Selain itu, tutup juga suis lampu dan kipas apabila meninggalkan rumah.”

“Ya, ayah. Guru selalu berpesan begitu. Amalan ini dapat menyelamatkan bumi kita,” terang Indira.

“Pandai, anak ibu,” kata ibu sambil memeluk Indira.

#### Aktiviti

- Ceritakan cara kamu menjimatkan tenaga elektrik di sekolah.



• Bimbing murid membaca dan memahami cerita untuk mencatat maklumat penting.  
KB – Penilaian  
EMK: Nilai Murni – Berjimat cermat

BCB – Bacaan intensif

2.3.1 (i)  
BA: 56



## Menulis



### Beg Mesra Alam

- beg mesra alam
- diperbuat daripada tumbuhan

Ini beg mesra alam. Beg ini diperbuat daripada tumbuhan.

- beg istimewa
- ada pelbagai bentuk
- ada pelbagai warna



- beg ini ringan dan nipis
- mudah dibawa

- beg boleh dikitar semula
- boleh dicuci
- cepat kering



### Aktiviti

Menulis karangan yang bertajuk “Beg Mesra Alam”.



- Bimbang murid memahami maklumat untuk menulis karangan.

KB – Menjanakan idea  
Nilai Murni – Mencintai alam sekitar

Pembelajaran Kontekstual

3.3.1 (i)  
BA: 57-58



## Ayat Perintah

### Menaiki Komuter



### Aktiviti

Nyatakan ayat perintah berdasarkan dialog.  
Kemudian, bina ayat perintah yang lain.

#### Bijak Bahasa:

**Ayat perintah** ialah ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

Contoh:

*Jangan bangun lewat.  
Sila beratur.*



- Bimbing murid mengenal pasti dan membina ayat perintah berdasarkan respons.

KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Menghargai alam

Pembelajaran Kontekstual

5.3.1 (iii)

BA: 59 - 60



## Ayat Seruan

### Aku Senaskhah Surat Khabar

1

Aduh, sakitnya saya!



Aku diikat dan diletakkan di dalam stor.

2

Hai, kawan!  
Apa khabar?

Aku berjumpa dengan rakan-rakan lain di dalam stor.

3

Wah, cantiknya saya!



Aku telah dianyam hingga menjadi tudung saji.

4

Gembiranya, saya telah berbakti!



Aku telah berjaya menyelamatkan alam sekitar.

### Aktiviti

Mengenal pasti ayat seruan berdasarkan bahan.



- Bimbing murid membina ayat seruan berdasarkan bahan.


KB – Menghubungkaitkan  
EMK: Nilai Murni – Kerajinan

Pembelajaran Konstruktivisme

5.3.1 (iv)  
BA:61-62

## Pemulihan


Tulis ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.



menanam anak pokok



menyiram – dengan air hujan yang ditadah



pokok – dibaja – hidup subur

## Pengayaan

Tulis ayat penyata berdasarkan gambar.



menyambut hari lahir – ke-7 tahun



## Penilaian 7

### A. Menyatakan respons terhadap suruhan, pesanan dan perintah.

Udara berjerebu.  
Kurangkan aktiviti  
di luar rumah.

Jangan lupa  
memakai  
penutup mulut.

Bersihkan muka  
dan tangan setelah  
melakukan aktiviti.

Baik, cikgu. Saya akan  
bermain di dalam rumah.


### B. Baca dan fahami teks. Kemudian, nyatakan maklumat.

#### Sayangi Sungai Kita

Huda dan Rina menyertai gotong-royong **membersihkan sungai**. Huda dan Rina melihat banyak sampah di dalam sungai. Mereka mengutip sampah-sampah itu dan memasukkannya ke dalam beg plastik. Beg-beg plastik itu dibuang ke dalam tong sampah.

Ibu bapa Huda dan Rina telah menanam anak-anak pokok berhampiran dengan sungai. Mereka turut memacakkkan papan tanda “Cintailah Sungai Kita”. Sungai itu menjadi bersih dan cantik.

### C. Bina ayat seruan berdasarkan gambar.



wah



amboi



aduh

## Bacaan Luas

### Tong Kitar Semula

Tahukah, adik-adik, jenis-jenis tong kitar semula? Terdapat tiga tong kitar semula yang disediakan untuk membuang sisa yang boleh dikitar semula. Tong-tong ini berwarna biru, coklat dan jingga.

Semua kertas seperti akhbar, majalah, buku, kad dan kotak hendaklah dibuang ke dalam tong biru.

Kegunaan tong coklat pula adalah untuk mengumpulkan barang-barang kaca. Antaranya termasuklah botol minuman, botol sos dan balang makanan.

Barang-barang buangan daripada aluminium seperti tin minuman dan makanan perlu dimasukkan ke dalam tong jingga. Bahan plastik seperti beg plastik, botol minuman, botol cecair pencuci dan bekas makanan juga dimasukkan ke dalam tong ini.

Dengan adanya tong kitar semula ini sampah sarap dapat diurus dengan baiknya. Persekutaran rumah dan alam sekitar akan menjadi bersih.

(Sumber: sisa@my.Malaysia)





# EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

## BANK



### Aktiviti

Berbual tentang maklumat yang terdapat dalam gambar.



# WANG DALAM KEHIDUPAN



## Mendengar dan Bertutur

### Wang untuk Aimi

Aimi, ini wang saku kamu untuk minggu ini.

Cuba kira berapa jumlah wang yang ada.

Gunakanlah wang ini secara berhemah.

Terima kasih, ibu.


Baik, ibu. Ada sekeping



Baiklah, ibu. Saya akan menyimpan



di dalam tabung. Wang yang lebih



### Aktiviti

Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.



- Bimbang murid bertutur berdasarkan bahan dengan menggunakan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.

KB – Membuat keputusan  
EMK: Nilai Murni – Keusahawanan

KP – Logik matematik

1.2.1  
BA: 63



## Membaca


# Rajin Menabung

Ayah Rani memberikan sehari kepada Rani dan abangnya. Sebelum berbelanja, Rani dan abangnya akan menyimpan  di dalam tabung.



**Idea tersurat:** Sebelum berbelanja, Rani dan abangnya akan menyimpan RM0.50 di dalam tabung.

**Idea tersirat:** Rani dan abangnya berjimat-cermat.



Baki wang mereka sebanyak RM1.50. Mereka berbelanja di kantin. Rani membeli roti dan susu kotak. Makanan itu baik untuk kesihatan.

**Idea tersurat:** \_\_\_\_\_

**Idea tersirat:** \_\_\_\_\_

Pada hari minggu, Rani dan abangnya mengira jumlah simpanan mereka. Simpanan mereka berjumlah RM2.50 setiap seorang. Mereka bercadang hendak mendermakan wang itu.



**Idea tersurat:** \_\_\_\_\_

**Idea tersirat:** \_\_\_\_\_

## Aktiviti

Membaca, memahami dan menyatakan idea tersurat dan tersirat dengan betulnya.



- Bimbing murid membaca, memahami dan menaakul untuk menyatakan idea tersurat dan tersirat yang terdapat dalam teks.

KB – Mensintesis  
EMK: Nilai Murni – Prihatin

Pembelajaran kontekstual

2.2.1 (ii) (iii)

BA: 64-65



## Menulis

### Membeli Alat Tulis

Jamil membawa RM1.50 ke kedai buku di sekolah. Dia hendak membeli alat tulis.

Jamil mengira harga barang-barang di kedai buku. Pensil dan pemadam berharga RM0.40 setiap satu. Harga buku latehan RM0.60. “Baki wang tingal RM0.10 sen sahaja jika aya membeli semua barang itu,” pikir Jamil.

Wang RM0.20 tidak cukup untuk Jamil berbelanja. Adakah Jamil hendak membeli di kedai buku atau berbelanja di kentin?



### Aktiviti

Mengedit ejaan dalam teks.

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan dan membetulkannya.
- KB – Mengenal pasti  
EMK: Nilai Murni – Rasional

KP – Bacaan intensif



3.3.2 (i)  
BA: 66



## Imbuhan Awalan dan Akhiran Di Pejabat Pos

Hardip mengikut ayahnya ke pejabat pos. Ayahnya ada urusan di situ. Dia perlu **mem**bayar bil telefon, elektrik dan air. Ketika di pejabat pos ...



Ayah Hardip dapat **mem**buat bayaran dengan cepatnya. Dia **ber**puas hati dengan layanan yang diberikan oleh pekerja di situ.

### Bijak Bahasa:

Imbuhan awalan hadir di bahagian awal kata dasar.

Contoh:

*melihat, membaca, berkata, beratur*

Imbuhan akhiran hadir di bahagian akhir kata dasar.

Contoh:

*bayaran, makanan*

### Aktiviti

Berbual dengan menggunakan imbuhan awalan dan akhiran.



- Bimbing murid berbual berdasarkan gambar dengan menggunakan perkataan berimbuhuan awalan dan akhiran.

KB – Membandingbezakan  
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

KP – Interpersonal

5.2.1 (i) (ii)  
BA: 67-68



## Kata Majmuk

### Barangan dan Perkhidmatan



1

Sui Lian berasa gembira. Dia dapat membeli-belah bersama-sama ibunya di **pasar raya**.



2

Ibu Sui Lian membayar RM9.90 kepada tukang gunting.



3

Mereka makan nasi ayam pada waktu tengah hari.



4

Sui Lian membeli alat tulis untuk kegunaan sekolah.



5

Ibu Sui Lian membeli tali pinggang untuk ayah Sui Lian.



6

Ibu Sui Lian mengeluarkan wang dari beg tangannya. Dia hendak membuat bayaran tiket tempat letak kereta.

### Aktiviti

Menyenaraikan kata majmuk dan membina ayat dengan menggunakan kata majmuk.



- Bimbing murid mengenal pasti kata majmuk dan membina ayat dengan menggunakan kata majmuk dengan betulnya.

KB - Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni - Menghargai perkhidmatan

Pembelajaran kontekstual

5.2.2 (i)  
BA: 69-70



# PENIAGA BERJAYA



## Mendengar dan Bertutur Jadikan Teladan

TANJONG MALIM, SELASA 9 OGOS 2016

DALAM NEGERI

Datuk Bahari bin Umar seorang peniaga yang berjaya. Beliau ialah bekas murid Sekolah Kebangsaan Taman Muhibah, Tanjong Malim. Walaupun telah berjaya, Datuk Bahari tidak lupa akan sekolah lamanya.

Baru-baru ini, beliau telah melawat ke sekolah lamanya. Beliau memberikan hadiah pakaian sekolah dan alat tulis kepada murid-murid miskin. Beliau juga berjumpa dan bertanya khabar dengan guru-guru di sekolah itu.

Wah, rupa-rupanya  
Datuk Bahari  
itu bekas murid  
sekolah kita!

Kita harus  
mencontohi sifat  
beliau yang  
suka menolong  
orang susah.

Ya, Aimi. Beliau  
seorang peniaga  
yang berjaya.

Mengapakah  
kamu berkata  
begitu, Aimi?

### Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan dengan betulnya.



- Bimbing murid mengenal pasti maklumat dan menyampaikannya.

KB – Mengenal pasti

EMK: Nilai Murni – Prihatin

KP – Interpersonal

1.2.2  
BA: 71



## Membaca

### Sikap Baik dalam Berniaga

• Mencari ungas di hutan Meru,  
Penuh berliku jalan dilihat;  
**Aimi bertugas membantu guru,**  
**Di kedai buku sewaktu rehat.**

Aimi membantu guru di kedai buku pada waktu rehat.



• Hidup rukun serta bersatu,  
Sifat bangga usah dilentur;  
**Aimi tekun sepanjang waktu,**  
**Kedai dijaga kemas teratur.**



• Jemur jerami di tepi perigi,  
Petik keladi di tepi paya;  
**Cita-cita Aimi sungguh tinggi,**  
**Ingin menjadi peniaga berjaya.**



Aimi hendak menjadi peniaga yang berjaya.



Aimi rajin menjaga dan mengemas kedai buku.

### Aktiviti

Membaca, memahami dan menyatakan maksud pantun.



- Minta murid mafazkan pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, minta murid menyatakan maksud kandungan pantun.

KB – Memadankan  
EMK: Nilai Murni – Keikhlasan


Pembelajaran Kontekstual

2.3.1 (ii)  
BA: 72



## Menulis


### Cita-cita Saya



Cita-cita saya hendak menjadi peniaga yang berjaya. Saya akan menjual pelbagai jenis basikal, alat ganti basikal dan membaiki basikal yang rosak.

Saya akan menjual basikal dengan harga yang murah. Dengan cara ini, orang ramai dapat memiliki basikal. mereka dapat bersenam beriadah dan mengamalkan gaya hidup sihat.

kata ibu, saya mesti pandai jika mahu berjaya. oleh itu, saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita saya



#### Aktiviti

Mengedit teks dengan tanda baca yang betul.



- Bimbing murid mengenal pasti dan mengedit kesalahan tanda baca yang terdapat dalam teks.

KB – Menganalisis

EMK: Nilai Murni – Berdikari

Pembelajaran Kontekstual

3.3.2 (ii)  
BA: 73



## Ayat Penyata

### Restoran Keluarga

Ahli keluarga Aimi bekerjasama membuka sebuah restoran. Ayah Aimi menjadi pengurus restoran. Pak Long, Mak Long dan ibu Aimi membantu ayahnya di restoran itu.



### Aktiviti

Membina ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.



- Bimbing murid membina ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.
- KB – Menjanakan idea  
EMK : Nilai Murni – Kerjasama

Konstruktivisme

5.3.1 (i)  
BA: 74-76



# MENGURUS BELANJA



## Mendengar dan Bertutur Membeli Baju Sukan

Aimi, saya hendak membeli baju sukan di kedai buku. Marilah ikut saya.

Apakah beza antara baju Wira dengan baju Juara?

Oh, begitu!

Saya akan membeli baju



Hardip, ada dua jenis baju sukan dijual di sana. Ada baju sukan Wira dan Juara.

Bezanya

Jadi, kamu hendak membeli yang mana satu?



### BAJU SUKAN WIRA

- tiga pilihan warna – biru, putih, merah
- corak yang menarik
- diskaun untuk 10 orang pembeli terawal



### BAJU SUKAN JUARA

- dua pilihan warna – putih dan biru
- ada lengan panjang dan pendek
- boleh cetak nama pada baju
- potongan harga 10 peratus

## Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan dengan betulnya.



- Bimbing murid membaca dan menyampaikan maklumat berdasarkan bahan.

KB – Menilai

EMK: Nilai Murni – Keusahawanan

KP – Interpersonal



## Membaca

### Membuat Pilihan



Aimi dan ibunya pergi ke pasar raya. Aimi hendak membeli buku latihan. Di sebelah rak buku, terdapat bekas minuman yang berwarna-warni.

“Wah, cantiknya bekas air ini!” kata Aimi di dalam hatinya. Dia pun membelek-belek bekas air itu.

“Kalau suka, belilah,” Kata ibu Aimi yang memerhatikannya sejak tadi. “Tapi... bekas air saya masih elok, ibu. Membazir sahaja kalau saya membeli bekas ini,” jawab Aimi.

“Lagi pun saya memang hendak membeli buku latihan sahaja,” kata Aimi sambil meletakkan bekas air itu semula di tempat asalnya.

### Aktiviti

Menceritakan kandungan teks dengan menggunakan aksi yang sesuai.



- Minta murid membaca dan memahami petikan teks.
- Bimbang murid menceritakan kandungan teks dengan menggunakan aksi yang sesuai.

KB – Membuat keputusan  
EMK: Nilai Murni – Rasional

KP – Kinestetik



## Menulis



### Catatan Jamil

Selasa: 1 November

Saya sangat gembira. Saya mendapat markah 100 peratus untuk bahasa Melayu. Ayah menghadiah saya RM5.00. Ibu juga memberi saya RM5.00. Kata ibu dan ayah, saya boleh menggunakan wang itu untuk membeli barang kesukaan saya.

Lusa ialah ulang tahun hari kelahiran ayah. Saya akan menggunakan RM5.00 untuk membeli hadiah. Kemudian, saya akan membeli majalah *Bintang*. Majalah itu berharga RM2.80. Baki wang akan saya simpan.



### Wang dan Perbelanjaan Jamil

Perkara	Wang Masuk	Wang Keluar
Wang daripada ayah	RM5.00	-
Wang daripada ibu	<u>                </u>	-
Hadiah untuk ayah	-	RM5.00
<u>                </u>	-	RM2.80
Baki	-	RM2.20
<b>Jumlah</b>	<b>RM10.00</b>	<b>RM10.00</b>

### Aktiviti

Mencatatkan jumlah wang dan perbelanjaan Jamil.



- Bimbing murid memahami teks dan mencatatkan maklumat dalam jadual.
- KB – Menghubungkaikan
- EMK: Nilai Murni – Kasih sayang


KP – Logik matematik



## Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk Catatan

Aimi belajar mengurus wang sendiri semenjak kecil. Dia mendapat wang saku sebanyak RM10.00 setiap minggu tetapi dia tidak menghabiskan wang itu. Dia berbelanja secara berhemat.

Aimi menggunakan wang sakunya untuk membeli makanan atau alat tulis. Kadang-kadang, dia menggunakan wang itu untuk urusan lain.



### Aktiviti

Membina ayat tunggal dan ayat majmuk.

- Bimbing murid membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan bahan.  
KB – Menjanakan idea  
EMK: Nilai Murni – Berjimat-cermat
- KP - Logik matematik

5.3.3 (i) (ii)  
BA: 81-83





## Seni Bahasa

### Beringat Semasa Membeli

Nasihat guru ingatlah selalu,  
Belilah barang cuma yang perlu,  
Sebelum membeli fikirlah dahulu,  
Buat catatan janganlah malu.

Apabila pergi ke pasar raya,  
\_\_\_\_\_,  
Pertimbangkan pilihan selagi terdaya,  
Berjimat cermat sifat orang berjaya.

Wahai sahabatku janganlah lupa,  
Segala pesanan ibu dan bapa,  
\_\_\_\_\_,  
Periksalah dahulu bentuk dan rupa.

Ketika membeli hendaklah teliti,  
Janganlah cepat berpuas hati,  
Mutu barang hendaklah dipasti,  
\_\_\_\_\_.

Apabila pilihan sudah dijumpa  
Janganlah mudah cepat percaya  
Supaya tidak menyesal nanti

#### Aktiviti

Melengkapkan syair dan melagukannya.



- Bimbing murid melengkapkan teks syair dan melagukannya.

KB – Mencirikan

EMK: Nilai Murni – Rasional

BCB – Bacaan luncuran

4.3.1 (iii)  
BA: 84

## Pemulihan

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Aiman budak Tahun 1 Mawar. Dia mendapat wang saku sebanyak dua \_\_\_\_\_ duwa / dua ringgit sehari. Aiman tidak membelanjakan \_\_\_\_\_ semua / semuwa wang itu. Dia berbelanja lapan \_\_\_\_\_ puloh / puluh sen sahaja. Baki wang disimpannya di dalam tabung / tabong \_\_\_\_\_.

## Pengayaan

Edit kesalahan ejaan dalam teks.

Ibu Alina seorang peniaga kek yang berjaya. Beliau mempunyai beberapa buah keda kek. Alina selalu membantu ibunya pada hari minggu.

Alina belajar banyak pekerja daripada ibunya. Dia belajar cara menlayan pelanggan. Dia melayang para pelangan dengan mesera.

Ibu Alina juga mengajarnya cara membungkus kek. Alina membungkus kek yang dibeli oleh pelanggan di dalam kutak. Ibu Alina berasa banga akan Alina.

## Penilaian 8

- A. Nyatakan maklumat yang terdapat dalam jadual di bawah.

Perkara	Wang Masuk	Wang Keluar
Wang saku	RM3.00	
Nasi lemak	-	RM1.00
Tauhu bakar	-	RM1.00
Air limau	-	RM0.60
Simpanan	-	RM0.40
<b>Jumlah</b>	<b>RM3.00</b>	<b>RM3.00</b>

- B. Bina dua ayat tunggal dan dua ayat majmuk berdasarkan jadual di atas.
- C. Baca dan fahami teks di bawah. Kemudian, nyatakan idea tersirat bagi ayat yang bercetak tebal. 🧠

Haris mendapat wang saku sebanyak RM5.00 setiap hari. **Dia akan menyimpan sebahagian daripada wang itu.** Baki wang itu akan dibelanjakan di kantin atau di kedai buku.

Haris berhati-hati ketika berbelanja. **Dia tidak berbelanja ikut suka hatinya.** Sejak kecil, dia telah diajar agar berjimat cermat dalam berbelanja.

Pada hujung bulan, ayah Haris akan membawanya ke bank. **Haris akan menyimpan wang simpanannya di bank.** Kini, wang simpanan Haris sudah lebih daripada ratusan ringgit.

## Pengukuhan 2

### A. Lengkapkan karangan.

sangat segar

jambangan bunga

kelihatan ceria

sentiasa mengemas

laman bunga

Ini sekolah Nani. Sekolah Nani indah dan bersih. Semua murid \_\_\_\_\_.

Sekolah Nani ada \_\_\_\_\_ dan kebun. Banyak bunga dan sayur ditanam di sekolah Nani. Sekolah Nani kelihatan cantik. Udaranya pula \_\_\_\_\_.

Kelas Nani sangat bersih. Rakan-rakan Nani \_\_\_\_\_ kelas. Kelas dihias dengan \_\_\_\_\_ dan terdapat sebuah akuarium.

Nani dan rakan-rakan dapat belajar dengan selesanya. Mereka kelihatan gembira.

### B. Senaraikan ayat majmuk berdasarkan karangan.

### C. Bina ayat tanya berdasarkan gambar.

apa

siapa

mana

bila



Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

### **Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**